

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"KAUM belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara yang bermanfaat, terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau sanggup membuat kerja-kerja lasak, seperti turun ke sawah di bawah panas matahari dan lain-lain. Ini semua sangatlah berguna kepada belia, selaku ejen masyarakat." - Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun pada 17 Zulkaedah 1436 Hijrah / 1 September 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسن ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang (dan perkara-perkara yang menjadi hak) mereka dan janganlah kamu berbuat onar di muka bumi dengan bencana kerosakan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Huud, ayat 85).

TAHUN 60 / BILANGAN 108

9 SEPTEMBER 2015 / 25 ذُو الْقَعْدَةِ 1436

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Pegawai Perkhidmatan Awam perlu kompetitif, berdaya saing

Oleh : Khartini Hamir

RIMBA, Isnin, 7 September. - Sebagai peneraju Perkhidmatan Awam, para pegawai Perkhidmatan Awam perlu sentiasa berfalsafah dan melihat secara kritis mengenai semua aspek Perkhidmatan Awam, baik dari segi imej dan kapasitinya, struktur tanggungjawab dan mekanisme mengambil tindakan dan membuat keputusan, hierarki bidang-kuasa dan budaya serta nilai-nilai dan fahaman penjawat-penjawat awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berkata, apabila dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam, pantas dalam fikiran kebanyakan dari kita ialah sebagai pegawai kerajaan yang mempunyai status dan perbezaan strata dari orang ramai.

Perasaan mementingkan kedudukan sebagai pegawai kerajaan ini, terangnya, lagi mungkin cepat menebal dan kental dalam diri banyak di antara pegawai-pegawai kerajaan yang mana telah menjadikan kebanyakan kita kehilangan punca atau sebab mengapa kita wujud dan makan gaji kepada kerajaan dan kerana fenomena inilah kita boleh menjadi alpa akan kewajipan kita sebenar terhadap orang ramai.

Demikian jelas Yang Mulia Dato Paduka pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-22 dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Ke-20 dan Ke-21 yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Tambahnya lagi, kemajuan dan *value for money* atau keuntungan itu menjadikan pekerja boleh terus diberikan gaji yang perlu dinilai mengikut nilai perkhidmatan di pasaran dan jika produktiviti terlalu lemah berbanding dengan kadar gaji yang tinggi, keadaan yang tidak seimbang akan wujud dalam mana kedudukan ini tidak berdaya tahan.

Justeru, terang Yang Mulia Dato Paduka, Perkhidmatan Awam perlu kompetitif, bersaing dan mempunyai daya saing yang mana fahaman Perkhidmatan Awam itu sebahagian dari kerajaan dan di atas strata yang tinggi dan tidak bersaing dengan pihak bukan kerajaan, adalah fahaman yang keliru dan tidak menguntungkan.

Sementara itu, dalam Perkhidmatan Awam sendiri, ujarinya, peranan amalan terbaik atau *best practices* dari mana-mana pihak dalam dan di luar Perkhidmatan Awam, budaya korporat itu sendiri secara aktif diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam.

Secara dasar, jelasnya, Perkhidmatan Awam terdedah kepada semua ini sama ada dari segi praktis menghayati dan membudayakannya adalah perkara yang perlu ditentukan.

Di peringkat global, tambahnya pula, Perkhidmatan Awam malah kerajaan kerap dibuat perbandingan di mana negara-negara mana yang mempunyai kerajaan yang kompetitif sekali gus memiliki Perkhidmatan Awam yang cukup efisien dan berkesan.

Dari sinilah kita, sarannya, dapat melihat amalan-amalan terbaik, *political will* yang mutlak, kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang berprestasi dan pada waktu yang sama juga dapat melihat keadaan kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang teragak-agak 'political will' mereka, berprestasi rendah dan yang langsung gagal.

Ke muka 24



Muka 3

HADIRI Pelancaran Bulan Bahasa, Singapura



Muka 4

MALAM Cinta Allah, Rasulullah pembuka tirai FHBK



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menyampaikan sijil kepada peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-22 dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Ke-20 dan Ke-21. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

NBD giat usaha tembusi industri halal dunia

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 September. - Kadar pertumbuhan dunia dalam industri halal meningkat dengan ketara dan dianggarkan sekitar USD1.4 trilion.

Sebanyak 45 peratus atau USD634 bilion daripada nilai ini dianggarkan mewakili industri makanan halal seluruh dunia.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid menyatakan perkara itu pada Mini Seminar Peluang Pelaburan dalam Industri Halal anjuran KPSSU dengan kerjasama Kedutaan Kerajaan Thailand di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KPSSU, Berakas, di sini.

Tambahnya, dengan 1.8 bilion orang beragama Islam di dunia yang mewakili 25 peratus daripada penduduk dunia telah mencetuskan peningkatan dalam permintaan dunia bagi produk dan perkhidmatan halal.

Katanya, dengan pertumbuhan pesat itu terdapat produk dan perkhidmatan halal dan pelbagai inisiatif telah dibuat supaya negara ini boleh berjaya menembusi dalam industri halal dunia.

"Inisiatif Brunei Darussalam termasuk penubuhan Jenama Halal Brunei untuk makanan, farmaseutikal dan industri kosmetik. Kita mengambil manfaat ke atas kekuatan kita sebagai sebuah negara Islam yang kukuh," ujar Setiausaha Tetap KPSSU.

Ke muka 12



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Mini Seminar Peluang Pelaburan dalam Industri Halal anjuran KPSSU.

Jangan mudah terjebak dengan mana-mana ideologi baru

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu
'Alaa Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta kurnia-Nya juga kita dapat berkumpul dan menghadirkan diri dalam Majlis Hafut Takharrij Diploma 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ketiga.

Saya seterusnya mengucapkan tahniah kepada graduan-graduan yang diraikan pada hari ini. Sesungguhnya semua ini terhasil dari daya usaha, kegigihan dan sifat sabar masing-masing dalam menjalani pembelajaran.

Saya sangat yakin bahawa kejayaan yang dicapai ini adalah merupakan titik tolak permulaan bagi setiap graduan ke arah bersiap sedia untuk berkhidmat dan menabur bakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Alhamdulillah, sejak penubuhan ITQSHHB pada tahun 1993 hingga sekarang, kita telah berjaya melahirkan seramai lebih daripada 200 orang huffaz. Dari jumlah tersebut, saya difahamkan seramai 40 orang telah diiktiraf lulus dalam Ujian Tasmie Menghafaz Al-Qur'an 30 Juzuk peringkat negara.

Tidak syak lagi, tanggungjawab sebagai seorang penghafaz Al-Qur'an adalah sangat mencabar. Ianya memerlukan penjagaan keterampilan diri dari kedua-dua aspek keroohanian dan juga lahiriah.

Memelihara kedua-dua aspek tersebut perlulah dilihat secara serius terutama sekali pembawaan diri dalam pergaulan. Ini kerana seorang penghafaz itu dilihat sebagai *role model* terbaik dan mulia dari pandangan masyarakat.

Perkara berhubung keterampilan dan akhlak sedemikian ini adalah menjurus kepada akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Qalam ayat 4 :

"Dan sesungguhnya engkau wahai Muhammad berada di atas akhlak yang agung."

Ummul Mukminin Sayyidatina Aisyah Radhiallahuanha pula ketika ditanya bagaimanakah akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, beliau menjawab :

"Adalah akhlak Baginda itu cerminan daripada Al-Qur'an."

Oleh itu, saya menyeru para graduan yang diraikan, untuk terus menuntut ilmu Al-Qur'an dan yang berkaitan dengannya.

Kuatkan lagi azam untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada. Ini termasuk dengan mengikuti kursus-kursus pengajian



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Hafut Takharrij Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Kali Ketiga pada hari Khamis, 19 Zulkaedah 1436 Hijrah bersamaan 3 September 2015 Masihi di Dewan Persidangan, Pusat Persidangan Antarabangsa.

yang bersesuaian yang disediakan oleh Kerajaan Paduka Ayahanda.

Mudah-mudahan dengan cara ini akan bertambahlah lagi bilangan orang-orang yang berilmu tinggi, khususnya dari kalangan para penghafaz Al-Qur'an di negara ini sebagai penyebar ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat.

Menyentuh mengenai penyebaran ilmu yang diperolehi dari Al-Qur'an, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud :

"Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar Al-Qur'an kemudian mengajarkannya kepada orang lain?"

Tambahan lagi, kedudukan orang yang berilmu mempunyai tempat yang istimewa di sisi Allah Ta'ala, Tuhan Pemilik segala ilmu, sebagaimana firman Allah Ta'ala di dalam Surah Al Mujadalah ayat 11 yang kira-kira bermaksud :

"Allah Ta'ala mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat."

Natijahnya apa yang kita harapkan ialah para siswa dan siswi tidak hanya memberikan perhatian setakat hafalan Al-Qur'an semata-mata. Para siswa dan siswi perlu mempelajari ilmu-ilmu lain yang pada

hakikatnya juga penting dan mampu menambah nilai dalam usaha untuk lebih memahami serta menghayati Al-Qur'an itu sendiri.

Dalam perkara mempelajari Al-Qur'an ini, Paduka Ayahanda dalam titah baginda bersempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2013 Masihi, turut mengingatkan bahawa berguru itu ada keberkatan apabila membaca Al-Qur'an, berbeza dengan semata-mata bergantung kepada buku atau internet di mana orang boleh saja melakukan kesilapan atau keliru.

Melalui pendekatan sedemikian ini setentunya mampu melengkapkan keupayaan setiap para graduan untuk menonjolkan diri dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat, lebih-lebih lagi membimbing para belia ke arah merealisasikan ajaran Al-Qur'an dalam kehidupan.

Dari sudut yang berlainan pula, kecepatan penyebaran maklumat tanpa sempadan turut memberikan cabaran kepada ugama kita, khususnya kewujudan kepelbagaian aliran kefahaman yang semakin meluas.

Kita semua perlulah lebih berhati-hati dan jangan mudah terjebak kepada mana-mana ideologi baru yang bertentangan dengan prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang merupakan sendi terpenting dan pegangan masyarakat Islam di negara ini sejak sekian lama.

Sayugia, jangan semudahnya menghukum apatah lagi jika hanya bersandarkan pembacaan yang sangat terhad seperti artikel ataupun beberapa buku.

Jika ada persoalan mahupun sebarang permasalahan, maka perlulah merujuk kepada ilmuwan-ilmuwan Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Paduka Ayahanda.

Walaupun mungkin ia dilihat logik pada akal, tetapi ingatlah, bahawasanya Islam tidak berdiri pada logik semata-mata, bahkan sesuatu hukum mahupun keputusan itu hendaklah ianya bersandarkan kepada Al-Qur'an, Sunnah, Ijma' dan Qiyas.

Di sinilah juga pentingnya bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk sentiasa peka kepada apa-apa yang berlaku yang boleh menimbulkan salah faham dan perbalahan, yang akhirnya membawa perpecahan pada umat Islam di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan pada hari ini.

Barang setentunya kejayaan ini tidak akan terhasil tanpa adanya semangat gigih, usaha sama dan komitmen pelbagai pihak para ibu bapa, penjaga, tenaga pengajar serta warga ITQSHHB. Semoga Allah mengurniakan ganjaran yang berkecukupan kepada mereka semua.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

9 SEPTEMBER 2015 BERSAMAAN 1436 ذوالقعدة 25

JANGAN TUNGGU REZEKI DATANG BERGOLEK

SEPERTI kata perumpamaan bahawa 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih'. Dan 'jika tidak dipecahkan ruyung manakan boleh dapat sagunya'. Kedua perumpamaan ini jika diteliti amat mendalam maknanya kepada kehidupan kita, lebih-lebih lagi dalam suasana kehidupan yang penuh dengan cabaran yang memerlukan kita untuk lebih gigih berusaha untuk mencapai apa jua cita-cita yang kita inginkan, kerana dengan usaha dan ikhtiar yang jitu sahaja kita akan dapat mencapai cita-cita kita, bukannya hanya berpeluk tubuh, menunggu rezeki datang bergolek atau hanya menunggu durian runtuh. Apa yang penting kita mesti memberi ruang dan peluang untuk kita mengubah hidup, di samping tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Lebih-lebih lagi dengan situasi ketika ini memaksa kita supaya sentiasa peka, khasnya dalam suasana ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara, seperti harga minyak yang jauh merudum, memerlukan kita selaku rakyat dan penduduk untuk terus berazam memperkukuhkan asas-asas atau fundamental ekonomi negara.

Bahang yang turut dirasakan oleh semua pihak, termasuk juga negara kita ini, meliputi sudut-sudut sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya yang memerlukan untuk kita lebih banyak berusaha mempertingkatkan ekonomi negara agar tidak hanya bergantung kepada hasil minyak dan gas sahaja.

Di antara usaha itu termasuklah memperkasa sektor awam dengan menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti di dalam perkhidmatan untuk orang ramai. Demikian juga ia sangat diperlukan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif sepertimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara tahun ini.

Bagi tujuan itu, pendekatan melalui penyerapan positif 'mindset' rakyat amat penting dilakukan dengan segera, supaya lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman iaitu dari semata-mata suka bergantung kepada bantuan kerajaan atau pihak-pihak yang tertentu sahaja, dengan beralih kepada lebih berdikari dan berusaha. Perkara ini amat penting terutama dalam kalangan belia-belie kita dan pencari-pencari kerja tempatan yang menjadi harapan bangsa dan negara. Dengan yang demikian, para belia hari ini perlu meningkatkan ilizim membangun dan membina diri. Tidak ada yang lebih mustahak dari mengekalkan daya tahan bagi jangka masa yang panjang.

Sebagai contoh, peluang yang diberikan oleh kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) bagi membantu menambah peluang pekerjaan dan perusahaan bagi para belia-belie di negara ini.

Di antaranya ialah mewujudkan program-program pembangunan keusahawanan belia yang relevan dan efektif khususnya melalui latihan-latihan atau pendidikan, sama ada yang bersifat formal atau tidak, selaras dengan Dasar Belia Negara yang inginkan para belia menyertai segala macam kegiatan, khasnya kegiatan-kegiatan ekonomi.

Salah satu usaha LKEB ke arah membantu para belia berkecimpung dalam bidang keusahawanan ialah melalui Skim Geran Perniagaan Mikro, Sumber Pembangunan Belia (Youth Development Resources -YDR). Melalui skim yang ditubuhkan pada tahun 2008 ini, para belia dapat memperkembangkan perniagaan mereka ke arah yang lebih maju dan berdaya tahan serta dapat memperniagakan jualan barangan di pasaran perdagangan dengan bimbingan dan kemahiran yang mereka peroleh.

Apa yang lebih membanggakan lagi para belia negara juga telah bergiat aktif dalam bidang-bidang yang kurang diminati, seperti bidang bertanam padi dan membuat kerja-kerja lasak seperti memandu kenderaan berat dan 'scaffolding'. Dan telah mula terlibat menerokai bidang-bidang baru, seperti bidang industri kreatif, dan juga tidak ketinggalan untuk menceburi pasaran luar negara.

Perkembangan kemajuan di kalangan para belia kita ini, bukan sahaja menggembirakan mereka sendiri tetapi mendapat perhatian dan membanggakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dititahkan baginda sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disambut pada 1 September 2015 lalu.

Maka yang penting di sini ialah, rakyat negara ini, khususnya para belia mesti segera melakukan penghirjaan minda, dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh, kepada rajin bekerja. Biar berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

- **Ketua Penyuntingan (Zs).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahrani Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Wan Mohamad Sahrani Wan Ahmadi,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
 31°C / 24°C	 32°C / 24°C	 31°C / 24°C
MUARA		
 32°C / 25°C	 31°C / 25°C	 31°C / 25°C
PEKAN BANGAR		
 31°C / 25°C	 30°C / 24°C	 30°C / 24°C
PEKAN TUTONG		
 32°C / 25°C	 31°C / 24°C	 31°C / 24°C
PEKAN BERA		
 32°C / 25°C	 31°C / 24°C	 31°C / 25°C
KUALA BELAIT		
 32°C / 25°C	 31°C / 24°C	 31°C / 24°C

Walaupun Ramalan Cuaca

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN PENERANGAN

Telpon: 2345567 Telian Cuaca: 134

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menghadiri Majlis Pelancaran Bulan Bahasa di Republik Singapura.

Hadiri Pelancaran Bulan Bahasa, Singapura

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 5 September. - Bulan Bahasa 2015 merupakan antara aktiviti yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Singapura Ke-50 Tahun. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa, Singapura telah diadakan bertempat di Gardens By The Bay Singapura. Perasmianya telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan dihadiri oleh pembesar-pembesar dan

jemputan-jemputan yang terdiri daripada penduduk Melayu Singapura. Hadir sama ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku jemputan khas. Rombongan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan diiringi oleh pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dua orang Duta Bahasa, iaitu Awang Zefri Ariff bin Zain Ariff

dan Awang Irwan Rano bin Nordin. Sambutan Bulan Bahasa Singapura tahun ini bertemakan 'Bahasa - Ilmu, Budaya, Mesra' bertujuan untuk menggalakkan penggunaan dan pemakaian bahasa ibunda dan memperkasa budaya Melayu dalam kalangan rakyat dan penduduk Melayu Singapura. Bulan Bahasa 2015 diraikan dengan acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang memaparkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa budaya dan bahasa mesra yang menengahkan persembahan daripada sekolah-sekolah, para rakan kongsi dan pertubuhan-pertubuhan Melayu, di merata kawasan di Gardens By The Bay.



ANTARA aktiviti yang dijalankan pada Kegiatan 'Sehari bersama Pandu Puteri Tunas' ialah kraf tangan daripada benda terbang.



PARA Pandu Puteri Tunas yang hadir pada Kegiatan 'Sehari bersama Pandu Puteri Tunas' sempena Sambutan Hari Kedamaian 2015 yang diadakan di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

PPPBD sambut Hari Kedamaian

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BERAKAS, Jumaat, 4 September. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah mengadakan Kegiatan 'Sehari bersama Pandu Puteri Tunas' sempena Hari Kedamaian 2015 yang diadakan di ibu pejabat persatuan berkenaan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim. Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan yang diungkuhkan PPPBD dengan menganjurkan pelbagai aktiviti yang berlainan untuk ahli-ahlinya bagi mengisi masa lapang semasa cuti penggal persekolahan ini. Seramai 60 orang Ahli Pandu Puteri Tunas yang merupakan pelajar Tahun 3, 4 dan 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta bagi Daerah Brunei dan Muara menyertai aktiviti yang diadakan dengan diawasi oleh seramai 12 orang guru pengawas dan juga Ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD. Semua ahli yang mengikuti aktiviti ini dibahagikan kepada enam kumpulan mengikut nama buah tempatan dan setiap kumpulan

mempunyai 10 orang ahli di dalamnya serta diawasi oleh dua orang guru pengawas. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan di sepanjang hari ini ialah sesi suai kenal; kraf tangan dari benda terbang dan juga membuat kad ucapan; lagu-lagu pandu puteri; permainan kim's; sukan ria dan aerobik; ikatan - reef knot; sembahyang berjemaah dan lain-lain lagi. Turut hadir dan menayakan aktiviti tersebut ialah Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD dan para pemimpin yang terlibat. Harapan pihak persatuan agar aktiviti tahunan seumpama ini akan terus diadakan setiap tahun bagi memberi pendedahan dan pengalaman kepada ahlinya supaya yakin akan kebolehan masing-masing serta berani menempuh cabaran yang diberikan.

Doa Kesyukuran sempena Hari Kedamaian Sedunia

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ANGGEREK DESA, Sabtu, 5 September. - Hari Kedamaian Sedunia (World Peace Day) disambut pada setiap tanggal 21 September dan sambutan pada tahun ini membawa tema 'Partnerships for Peace - Dignity for All'. Bagi memperingati sambutan tersebut, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah di Ibu Pejabat PPPBD sebagai salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran. Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah. Antara yang hadir ialah Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Ketua Pesuruhjaya PPPBD,

Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim; Penolong-penolong Ketua Pesuruhjaya, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PPPBD dan Ahli-ahli PPPBD. Majlis ini bertujuan sebagai tanda kesyukuran atas limpah kurnia kemakmuran dan keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Ta'ala kepada Negara Brunei Darussalam, di samping untuk meningkatkan serta mengukuhkan perasaan muhibah dan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli persatuan. Bersempena Sambutan Hari Kedamaian Sedunia pada tahun ini, PPPBD telah merancang pelbagai kegiatan termasuk Kegiatan 'Sehari bersama Pandu Puteri Tunas' yang



DOA Kesyukuran dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

telah diadakan pada 4 September 2015. Pada tahun-tahun yang sebelumnya, PPPBD telah mengadakan beberapa

aktiviti termasuk 'Walk for Peace' dan kuiz 'International Peace Day Quest' khusus bagi menyambut Hari Kedamaian Sedunia.

Media Republik Korea kunjungi NBD

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod
Foto : Mohd Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Seramai sembilan orang media Republik Korea kini berada di negara ini selama empat hari bagi menyertai Program Pertukaran 'Korean Media People's Visit to ASEAN', iaitu salah satu projek ASEAN-COCI. Rombongan diketuai oleh Setiausaha Ketiga, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Hwang Gyutae. Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan rombongan tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan. Sepanjang berada di negara ini, rombongan media tersebut dijadualkan melawat ke kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan termasuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio Televisyen Brunei serta ke Pejabat The Brunei Times.



ROMBONGAN media dari Republik Korea yang mengikuti Program Pertukaran 'Korean Media People's Visit to ASEAN' selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan dialu-alukan oleh pegawai-pegawai serta kakitangan dari Jabatan Penerangan.

Malam Cinta Allah, Rasulullah pembuka tirai FHBK

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Malam Cinta Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjaya menarik perhatian orang ramai khususnya para belia untuk sama-sama menzahirkan rasa cinta kepada Allah dan Rasulullah melalui bacaan Al-Qur'an dan Hadith, alunan qasidah dan selawat serta tazkirah.

Penampilan istimewa kumpulan Al-Mawlid mengalunkan qasidah memukau para pengunjung dengan memuji Allah dan Rasul-Nya serta bacaan suci Al-Qur'an beramai-ramai.

Majlis yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia

Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan isteri.

Acara tersebut yang merupakan pembukaan tirai bagi Festival Hari Belia Kebangsaan (FHBK) 2015 turut menampilkan penceramah muda tempatan undangan, iaitu Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit yang antara lain mengajak para belia untuk sentiasa ingat kepada Allah dan mencintai junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam apa jua tindak-tanduk yang dilakukan.

Awang Haji Mohd. Khairul Nazif juga menjelaskan, antara akhlak Rasulullah yang pemaaf, peramah, senang didekati, dermawan, bersopan santun di mana sikap mulia kekasih Allah itu memberi kesan kepada orang lain.

Acara malam itu merupakan satu



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan isteri hadir menyertai Majlis Malam Cinta Allah dan Rasulullah berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

manifestasi belia dalam sama-sama menanai konsep Negara Zikir

berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Festival Hari Belia Kebangsaan 2015 anjuran Jabatan Belia dan Sukan akan dibuka rasmi esok hari dan dibukakan bermula hari ini dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat bermula dari 2.00 petang.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang festival selama empat hari yang akan membawakan persembahan akustik, tausyeh, bicara keusahawanan, pertunjukan Kalestenik, acara kesusasteraan dan kebudayaan serta persembahan artis tempatan selain dari jualan barangan.

Graduan Haflut Takharruj diraikan dalam Majlis Kesyukuran

GADONG, Khamis, 3 September. - Graduan-graduan Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ketiga yang telah menamatkan pengajian baru-baru ini, diraikan dalam satu Majlis Doa Kesyukuran berlangsung di Presidential Lounge, Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB.

Juga hadir Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Ahli-ahli Lembaga ITQSHHB, Ahli-ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj, pegawai-pegawai Kanan KHEU, pegawai-pegawai pensyarah-pensyarah, guru-guru, kakitangan dan graduan-graduan ITQSHHB.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Mohd. Safwan Alwan bin Haji Aminuddin, tenaga pengajar di ITQSHHB dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod
Foto : Hernie Suliana Othman



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Cemerlang Ko-Kurikulum, Awang Nurul Hanifah bin Al-Hussaini.

Ali.

Pengiran Haji Haslin menjelaskan, Diploma 'Aliyah Qiraat merupakan program peringkat Diploma Kebangsaan yang menawarkan pengajian selama tiga tahun dalam bidang Qiraat dan ilmu-ilmu Al-Qur'an yang lain bertujuan untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja khatam hafaz Al-Qur'an, malah berkemahiran dalam ilmu-ilmu Al-Qur'an khususnya ilmu Qiraat.

Tambahnya, sejak ia ditubuhkan pada tahun 2010, seramai 44 graduan telah pun tamat pengajian, iaitu 12 graduan pada pengambilan pertama, 13 graduan pada pengambilan kedua dan 19 graduan pada pengambilan ketiga yang baru sahaja diraikan di Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB, Kali Ketiga.

Graduan pengambilan pertama dan kedua Diploma 'Aliyah Qiraat katanya, telah pun melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah.

Pengiran Haji Haslin berharap para graduan yang diraikan itu akan turut sama mengikut jejak langkah mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Beliau yakin, para graduan mempunyai keazaman yang tinggi untuk mendalami ilmu Al-Qur'an, ingin menjadi seorang Hafiz dan Hafizah yang berpotensi, mampu memperkembangkan ilmu mereka dan seterusnya bersedia untuk berbakti

kepada nusa, bangsa dan agama kelak.

"Semangat itu, jangan luntur di tengah jalan, malah semangat perlu berkobar sehingga dapat membuahkan hasil yang diharap-harapkan," tegasnya.

Pada majlis itu, wakil graduan Awang Nurul Hanifah bin Al-Hussaini juga menyampaikan ucapannya.

Majlis disusuli dengan Penyampaian Anugerah Cemerlang Diploma 'Aliyah Qiraat disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Para penerima anugerah terdiri daripada Dayangku Syahriah Hazirah binti Pengiran Alit dan Dayang Maisarah binti Sofri, masing-masing menerima Anugerah Cemerlang dalam Peperiksaan, Dayang Maisarah binti Sofri juga menerima Anugerah Cemerlang Al-Qur'an dan Anugerah Cemerlang Ko-Kurikulum diterima oleh Awang Nurul Hanifah bin Al-Hussaini dan Dayang Siti Nurul Hamidah binti Awang Jaya.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Awang Abdul Azim bin Haji Ali.

Antara tujuan majlis ialah untuk menyemarakkan acara-acara sempena majlis konvokesyen, di samping menzahirkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menamatkan pengajian di kampus tersebut.

Penghayatan beragama dalam kalangan pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Mariani Haji Abd. Ghani,
Hajah Norizan Mahal
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

MENTIRI, Khamis, 3 September. - Sebagai salah satu usaha untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengatasi gejala sosial dalam kalangan pelajar, Jabatan Pengajian Islam (JPI), melalui Unit Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta, Bahagian Pengetahuan Ugama Islam dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Ketua-ketua Guru Ugama Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta telah menganjurkan Program At-Tarbiah Wa-Takzirah Ketiga Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Seramai 244 pelajar Tahun 4 dan Tahun 5 dari Daerah-daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong mengikuti program tersebut yang melibatkan 180 pelajar daripada 45 buah sekolah rendah kerajaan dan 64 pelajar daripada 17 buah sekolah rendah swasta.

Hadir di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad.

Terdahulu acara dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan Ikrar dan Zikir Munajat beramai-ramai.

Tetamu kehormat dalam ucapannya berharap agar pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan dapat mengambil manfaat sepenuhnya dari aktiviti-aktiviti yang diadakan dan menjadi belia remaja yang mampu berubah dari hanya menjadi remaja yang terikut-ikut kepada remaja yang mempunyai jati diri.

Sementara itu, Penolong Kaunseling dan Seliaan Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali menyampaikan Tazkirah Khas bertajuk 'Celik Mata Hati'.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi bimbingan, panduan dan motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, di samping membentuk para pelajar mempunyai asas keimanan yang kukuh merangkumi bidang ibadah sama ada duniawi atau ukhrawi, menerapkan dan menghayati nilai-nilai Islam.

Program ini merupakan kesinambungan Rancangan Strategik JPI 2015 - 2019 sebagai satu langkah ke arah memperkukuhkan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar dan meningkatkan kesedaran mengenai cara melaksanakan ibadah yang betul untuk menjana minda peserta bagi kesedaran hidup beragama.



PENOLONG Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat pada Program At-Tarbiah Wa-Takzirah Ketiga Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.



PEMANGKU Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali menyampaikan ucapan alu-aluan.

Daerah Tutong berpotensi menjadi destinasi pelancongan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman merasmikan Logo 'Destinasi Tutong' pada Majlis Pelancaran Destinasi Tutong.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 31 Ogos. - Daerah Tutong sememangnya berpotensi untuk dijadikan sebagai Daerah Destinasi berdasarkan daerah ini mempunyai lebih 30 tempat menarik dan berupaya menghasilkan lebih 50 produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Demikian jelas Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Destinasi Tutong yang berlangsung di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Untuk merealisasikan hasrat program itu, jelasnya, Jabatan Daerah Tutong (JDT), selaku Agensi Pemudah Cara telah mengadakan beberapa sesi perundingan dengan pelbagai pihak khususnya di daerah ini meliputi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk masyarakat umum di daerah ini untuk sama-sama mendukung Program Destinasi Tutong (PDT) melalui penyediaan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan seperti menyediakan tempat-tempat lawatan, menyediakan persembahan kesenian dan kebudayaan, perkhidmatan penyediaan makanan serta tempat penginapan para pelancong dan pelawat melalui Inap Desa (Home-Stay).

"JDT juga turut menggunakan kaedah PPP, iaitu Public Private Partnership untuk sama-sama menjayakan program ini melalui peningkatan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Daerah Tutong, selain daripada menggunakan peruntukan jabatan yang sedia ada," ujarnya.

Potensi terhadap program berkenaan, menurutnya, juga dinilai berdasarkan daerah tersebut

mempunyai lima etnik masyarakat yang unik terdiri daripada puak Tutong, Dusun, Kedayan, Iban dan masyarakat Tionghoa yang sememangnya mempunyai pelbagai warisan budaya yang tersendiri untuk dijadikan projek aktiviti kemasyarakatan dan perekonomian masyarakat mukim dan kampung berkonsepkan 'Community-Based Tourism', selain daerah berkenaan juga kaya dengan khazanah alam semula jadi yang menarik dan mempunyai potensi yang luas untuk diterokai.

Jelasnya, untuk menjana PDT, satu badan pengurusan yang dinamakan Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong telah dilantik oleh JDT sebagai ejen pengurus tadbir.

Badan itu, katanya, berperanan sebagai *focal point* bagi apa jua pengurusan yang berkaitan dengan destinasi Tutong.

Beliau menambah, keahliannya adalah terdiri daripada beberapa ahli MPMK yang bersesuaian bersama ahli-ahli korporat dan pihak individu yang berkebolehan serta mempunyai kepakaran.

"Melalui Pengurusan PDT yang efektif lagi berkesan, insyaaAllah program ini dijangka dapat menjana hasil jualan produk perkhidmatan, lawatan, pelancongan dan perekonomian yang dianggarkan sekurang-kurangnya BND2 juta setahun dan boleh menyumbang peluang-peluang pekerjaan tidak kurang sebanyak 300 pekerjaan yang majoritinya disasarkan kepada Ahli-ahli MPMK serta masyarakat dan penduduk di daerah ini," ujar Awang Wardi yang juga selaku Pengerusi majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong dengan para Penyedia Perkhidmatan Daerah Tutong.

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang seterusnya menyempurnakan perasmian Logo 'Destinasi Tutong' yang kemudiannya diselenggarakan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong dengan para Penyedia Perkhidmatan Daerah Tutong.

Majlis tersebut merupakan peringkat awal PDT yang melibatkan pengusaha-pengusaha daerah ini

sementara program seterusnya, iaitu peringkat kedua akan melibatkan persefahaman dengan pengusaha-pengusaha dan penyedia perkhidmatan di luar daerah.

Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan bagi mendukung usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam memangkin perkembangan sosio ekonomi negara melalui perusahaan kecil dan sederhana untuk menjadikan masyarakat di daerah ini lebih

berdikari, berdaya maju dan berdaya saing.

Dalam skala yang lebih besar, program berkenaan dipercayai berupaya menggalakkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti pelaburan asing di negara ini.

Usaha ini juga merupakan langkah strategik JDT bagi mendukung Wawasan Brunei 2035, iaitu menjadikan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi dinamik serta berdaya tahan.

Jabatan Penerangan teruskan siri Taklimat Kenegaraan



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Menengah Seluruh Negara 2015 dengan mengadakan kunjungan ke Sekolah Menengah Menglait, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Awang Eddy Iswandy dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaikkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

"Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya serta dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat," jelas Awang Eddy Iswandy.

Seramai 484 orang pelajar dari Tahun 7 hingga Tahun 11 menghadiri taklimat berkenaan.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pada taklimat tersebut para penuntut dan tenaga pengajar juga menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara' dan seterusnya berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Pengetua Sekolah, Awang Mohidin bin Haji Noordin.



SERAMAI 484 pelajar dari Tahun 7 hingga Tahun 11 menghadiri taklimat berkenaan.

Berita dan Foto : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

GADONG, Isnin, 31 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan

dan Kemasyarakatan meneruskan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bagi Sekolah-sekolah



SEKUMPULAN pelancong dari Australia yang berpeluang melawat Daerah Tutong dihiburkan dengan persembahan kebudayaan tempatan, di samping menyertai tarian tradisional Brunei dari pada puak-puak di Daerah Tutong.

Seramai 751 graduan UBD diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan sijil dan cenderahati kepada para pembimbing dan peserta khatam lelaki pada Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-27.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Mariani Haji Abd. Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

TUNGKU LINK, Sabtu, 5 September. - Bersempena dengan Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-27 yang akan berlangsung pada 9 September 2015, Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran bagi bakal-bakal graduan universiti berkenaan diadakan di Masjid UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong serta Datin.

Majlis Khatam Al-Qur'an yang disertai oleh seramai 175 peserta lelaki dan 576 peserta perempuan itu dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, diikuti bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Acara disusuli dengan bacaan



MENTERI Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran.

takhtim yang dimulakan oleh Mahasiswa Kelab Dikir, Nasyid dan Tausyeh dari Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian, Persatuan Mahasiswa / Mahasiswi UBD, manakala Doa Khatam diketuai oleh wakil pembimbing Program Bimbingan Khatam, Awang Aziz Fakhri bin Noor Azalie.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Sijil dan Cenderahati kepada para pembimbing dan peserta khatam yang mana peserta lelaki disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, manakala peserta perempuan disampaikan oleh isteri tetamu kehormat, iaitu Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Muhammad.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid

UBD, Awang Haji Muhd. Zahid bin Haji Muhd. Zain.

Majlis Khatam Al Qur'an ini merupakan salah satu acara tahunan bertujuan untuk merayakan para graduan UBD yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Ia juga bertujuan untuk melaksanakan fardu ain bagi mahasiswa / mahasiswi yang beragama Islam dan juga untuk merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin negara

ini membina generasi Al-Qur'an yang membawa maksud untuk melahirkan generasi yang 'Celik Al-Qur'an', sekali gus membentuk negara sebagai sebuah 'Negara Zikir'.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan Datin; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga selaku Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dan Datin; pengarah-pengarah Kementerian Pendidikan serta pegawai-pegawai utama UBD; para ibu bapa peserta khatam; pembimbing dan peserta khatam yang diraikan.

Pemenang Pertandingan BRO 2015 terima hadiah

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd Zul-izzi Haji Duraman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - SRAT DIVER dari Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin menjuarai Kategori Biasa, iaitu Tahun 4-6, manakala SGT EV3 BOYS Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut 11 tempat kedua dan FROGMEN Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Kampung Pandan tempat ketiga Pertandingan Brunei Robotics Olympiad (BRO) 2015.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi kedua-dua pertandingan tersebut berlangsung di Taman Teknologi Anggerek Desa, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) yang disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat.

BRO adalah salah satu pertandingan kebangsaan yang diadakan setiap

tahun oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) sejak tahun 2004 menggunakan siri LEGO Mindstorms kit yang mengandungi perisian dan perkakas untuk mereka bentuk robot kecil yang dapat disesuaikan dan diprogramkan.

Kit berkenaan mengandungi komputer *brick* yang telah diprogramkan bagi mengawal sistem, satu *set* sensor modular dan motor, serta bahagian-bahagian LEGO untuk mereka bentuk sistem mekanikal yang berfungsi mengikut cabaran persaingan antarabangsa, iaitu 'World Robotik Olympiad' (WRO).

Matlamat pertandingan adalah untuk mengembangkan kreativiti dan mengukuhkan kemahiran teknologi pelajar terutama dalam kehidupan Abad Ke-21 yang bersandar pada sains, teknologi, kejuruteraan dan

matematik.

Selain itu, ia juga menawarkan peluang untuk meluaskan pemikiran mereka dengan memperkenalkan mereka kepada dunia teknologi terkini.

Antara objektif pertandingan ialah untuk meningkatkan celik teknikal dan kemahiran pengaturcaraan komputer seorang pelajar dengan menggunakan program *brick* dan perisian 'Robolab' / NXT untuk membina pelbagai struktur mekanikal dan mempunyai peluang untuk mereka bentuk dan bereksperimen dengan struktur mereka sendiri.

Pelajar juga akan dapat belajar pelbagai proses reka bentuk dan strategi koperasi, iaitu kemahiran menyelesaikan masalah melalui menganalisis, mengumpul maklumat masalah, mencadangkan penyelesaian alternatif, membuat pertimbangan dan keputusan, dan dalam masa tertentu merancang, menyusun, mencipta, menyampaikan idea dan menilai penyelesaian.

Melalui pertandingan itu akan membantu meningkatkan lagi motivasi dan membina kemahiran matematik para pelajar dalam mengadaptasi logik, dan meneroka prinsip-prinsip sains fizikal dalam ciptaan robotik mereka.

Salah satu misi Pusat STEP adalah untuk menggalak dan meningkatkan pembangunan teknologi melalui pelbagai aktiviti seperti menganjurkan pertandingan robot bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi yang lebih tinggi, melibatkan guru-guru serta para pelajar dalam pameran dan pertandingan robot antarabangsa, serta mengadakan bengkel dan latihan dengan kerjasama kerajaan serta agensi-agensi bukan kerajaan.

Turut hadir Pemangku Ketua, Pusat STEP Kementerian Pendidikan, Dayang Sarimah binti Abu Bakar; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah dan sijil pada Pertandingan BRO yang berlangsung di Taman Teknologi Anggerek Desa, LKEB.



MAJLIS Khatam Al-Qur'an juga disertai oleh seramai 576 mahasiswi UBD.

Pendaftaran Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak bahawa pendaftaran untuk memasuki Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam setiap hari Jumaat di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 2016 Masihi telah bermula pada 1 September hingga 30 November 2015.

Borang pendaftaran boleh diperolehi daripada Bahagian Imarah, JHEM, Simpang 15, Jalan Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah-daerah Brunei dan Muara / Belait / Tutong / Temburong dan masjid / surau dan balai ibadat seluruh negara.

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan tidak lewat 30 November 2015 kepada guru penghubung di masjid, surau dan balai ibadat di mana anak-anak mereka akan mengikuti kelas itu nanti.

Syarat penerimaan bagi kanak-kanak yang akan memasuki kelas tersebut di atas hendaklah berumur enam (6) tahun pada 1 Januari 2016.

Sebarang pertanyaan mengenai kelas tersebut bolehlah berhubung terus dengan Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Tamin di JHEM, Bahagian Imarah, KHEU, Simpang 15, Jalan Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan atau melalui talian telefon 2223277 (waktu pejabat) atau 7246737.

Para pemenang Minda Pembaca!



Belia berperanan dalam pembangunan negara

BELIA merupakan aset negara yang bakal menerajui dan menjadi pelapis negara pada masa akan datang. Jesteru itu, belia harus bersikap positif dalam pelbagai aspek baik dari segi keroonian dan fizikal. Para belia adalah berperanan dalam sama-sama memastikan pembangunan negara sentiasa terpelihara dan sekali gus mampu membentuk sesebuah masyarakat, bangsa dan negara yang harmoni dan bersatu padu. Belia yang bersikap positif akan selalu meraih peluang tanpa mempersiakkannya dan melakukan penghijrahan minda seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda Ke-69 Tahun baru-baru ini. Baginda juga menyeru agar belia harus bangkit rajin bekerja dan suka berdikari dari suka berpeluk tubuh dan menunggu-nunggu.

Belia yang hanya tahu menyalahkan pihak yang berkewajiban seperti kerajaan dan pihak sekolah perlu bersangka baik dan jangan terus-terusan bersikap negatif. Banyak cara yang boleh diusahakan bagi meningkatkan keyakinan para belia itu sendiri seperti menangkap ikan atau bercucuk tanam dan hasilnya boleh menjadi satu perniagaan. Bersikap positif bukan sahaja untuk belia itu sendiri, tetapi sikap ini juga perlu ditanamkan dalam diri masing-masing ketika bergaul dengan keluarga, rakan dan masyarakat. Contohnya, belia yang bersikap positif dan berfikir terbuka akan menerima apa saja nasihat dan kritikan yang dilemparkan kepada mereka dan menjadikan kritikan itu sebagai cabaran untuk mereka memajukan diri. Negara Brunei Darussalam memerlukan belia-belia yang dinamik, kreatif, berinovatif serta bertanggungjawab supaya dapat bergerak ke arah pencapaian Wawasan 2035, serta mempunyai *mindset* yang positif, berkeyakinan dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

Pihak kerajaan telah banyak menyediakan pelbagai kemudahan bagi belia untuk berdikari tidak kira dari segi pelajaran, sukan, kesihatan, keagamaan dan peluang pekerjaan. Jadi negara amat memerlukan belia yang bersikap positif bagi meningkatkan ekonomi dan maju mundurnya negara bergantung pada sikap belia hari ini.

Nama : Dayangku Hajah Nur Hafizah binti Pengiran Haji Ishak

No. K/P : 01-039655 (K)

Alamat : No. 700, Simpang 702, Kampung Sungai Matan, Jalan Kota Batu, BD1917, Negara Brunei Darussalam.

Pupuk nilai murni dalam diri belia

NILAI-NILAI murni harus dipupuk dalam diri belia dan patut disemai sedari kecil. Hal ini kerana, nilai-nilai murni ini dapat membantu agar belia bersikap positif. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, iaitu 'Belia adalah aset negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberi fokus. Mereka yang dibangun itu menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki. Jika mereka baik, maka kita pun bolehlah tersenyum lega, tetapi jika mereka insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya'.

Oleh itu, bagi menerapkan nilai-nilai murni ini ke dalam diri belia, ibu-bapa memainkan peranan yang penting kerana didikan pertama bermula di rumah. Ibu-bapa harus memastikan agar anak-anak mereka menjadi seorang yang berakhlak mulia. Selain itu, didikan kedua, iaitu di sekolah, guru-guru juga memainkan peranan yang penting bagi mendidik para pelajar agar mereka menjadi seorang insan bermoral. Terdapat banyak nilai-nilai murni yang patut diterapkan dalam diri belia. Di antara nilai-nilai murni itu ialah hormat-menghormati, bersopan santun, baik budi pekerti, tolong menolong, prihatin dan sebagainya.

Kesimpulannya, nilai-nilai murni ini amat penting dalam kehidupan bagi melahirkan seorang belia yang bersikap positif. Bahkan, ia amat dituntut dari segi budaya, adab dan agama kita. Selain itu, nilai-nilai murni bukan sahaja dapat membentuk belia yang positif, tetapi ia juga dapat membentuk masyarakat yang bersatu-padu dan sebuah negara yang aman damai. Harapan saya agar nilai-nilai murni ini dapat diterapkan ke dalam diri belia selamanya kerana belia merupakan tunas bangsa dan penyambung generasi akan datang bagi memimpin negara kita, iaitu Negara Brunei Darussalam.

Nama : Nur Ayu Zurainie binti Janie

No. K/P : 01-053369 (K)

Alamat : No. 8, Simpang 12, Jalan Nenas Paun, STKRJ Katok 'B', Gadong, BE1918, Negara Brunei Darussalam.

Belia bersikap positif jamin keamanan negara

BELIA merupakan aset negara yang amat penting diberi perhatian. Hal ini kerana golongan belia merupakan penyambung generasi, yang akan memimpin dan menerajui negara pada masa hadapan. Golongan belia inilah yang akan membentuk sebuah masyarakat, bangsa dan negara yang harmoni dan bersatu padu.

Untuk membentuk belia menjadi pemimpin generasi masa hadapan dengan nilai yang sempurna dan keperibadian yang utuh. Gaya hidup sihat haruslah dilaksanakan secara lebih meluas. Di samping mempunyai keyakinan diri, disiplin dan berfikir positif.

Golongan belia yang cemerlang ialah belia yang bersikap positif, berkemahiran mengurus diri, berpandangan jauh serta mampu menjadi pemimpin keluarga, masyarakat dan negara. Namun bagi ingin melahirkan belia yang cemerlang bukanlah mudah, ia memerlukan kerjasama semua pihak terutama ibu bapa dan juga masyarakat dalam membimbing golongan belia agar menjadi insan yang cemerlang dan belia yang bersikap positif.

Belia yang mempunyai sikap positif beginilah yang negara kita inginkan demi memastikan kesejahteraan dan keamanan negara sentiasa terjamin dan mampu untuk menghadapi sebarang cabaran yang mendatang. Kita harus memberi pujian kepada para belia yang bersikap mahu mencuba dan ingin membuat sesuatu perubahan ke arah yang positif.

Berbagai-bagai langkah hendaklah diambil bagi memupuk semangat belia agar bersikap positif selain dapat menyemarakkan semangat golongan belia, dengan membuat program-program yang bersifat positif seperti Program Khidmat Bakti Negara, Program Belia Masjid dan sebagainya. Dengan mengadakan program-program sebegini ia mampu menjadikan platform yang dapat melahirkan belia yang berdisiplin, cerdas, berkepimpinan, berkemahiran, berdikari, dan berdaya juang yang tinggi.

Sokongan dan dorongan keluarga turut menyumbang kepada pembentukan identiti diri seseorang belia itu. Selain itu, ibu bapa atau keluarga berperanan penting bagi menjamin dan memastikan perkembangan positif para belia, bak kata pepatah orang tua ada menyebut, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Dengan itu, ibu bapa adalah orang yang mempunyai peranan dan kesempatan yang besar untuk mencorakkan anak-anak mereka dari kecil sebelum mereka meningkat dewasa.

Golongan belia digalakkan untuk terus meningkatkan tahap pengetahuan serta membina pemikiran dan sikap yang positif serta berkepimpinan dan berkemahiran, membentuk mereka untuk menjadi lebih berbakat, inovatif, kreatif dan berwawasan.

Oleh yang demikian, golongan belia seharusnya tidak mensia-siakan masa muda dengan kegiatan tidak bermoral sebaliknya perkemaskanlah diri bagi menempuh masa depan yang lebih mencabar. Jadilah belia yang cemerlang dan berharga kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Nama : Mohamad Shahrini Bin Haji Akup

No.K/P : 01-056763 (K)

Alamat : No. 7, Simpang 620, Kampung Salar Jalan Muara, BT2528, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Amalkan Budaya Tolong-Menolong'. Tarikh Tutup : 9 September 2015.
2. 'Ibadah Korban Tanda Syukur dan Takwa'. Tarikh Tutup : 16 September 2015.
3. 'Peranan dan Tanggungjawab Sekolah Terhadap Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 September 2015.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak tiga penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan setiap seorang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Ekspo BruFit 2015 dedahkan aktiviti sihat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan Hadiah dan Sijil Penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa, Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Setia Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam, Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa - KPSA (International Graduate Studies College) dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Ekspo

BruFit 2015.

Ekspo yang akan berlangsung selama dua hari itu dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Ekspo tersebut memaparkan pameran dan ekspo yang

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

bersangkut-paut dengan produk dan perkhidmatan kegiatan fizikal dan sukan serta pilihan makanan sihat di Negara Brunei Darussalam, di samping beramal dengan menderma kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah dan Persatuan SMARTER.

Pelbagai aktiviti disediakan pada ekspo berkenaan antaranya ialah jualan amal, sesi senamrobik daripada pusat-pusat kecergasan, peraduan mewarna bagi kanak-kanak dan aktiviti Treasure Hunt yang mana orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertainya.

Antara objektif utama ekspo ini ialah untuk menggalakkan orang ramai khususnya rakyat di negara ini mengamalkan gaya hidup sihat serta menyumbang kepada usaha dan promosi pertumbuhan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) di dalam bidang industri di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan Hadiah dan Sijil Penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif KPSA, Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Setia Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Momin, diikuti dengan sesi senamrobik.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.



MENTERI Kesihatan menyertai sesi senamrobik pada Majlis Pelancaran Ekspo BruFit 2015 (atas), sementara gambar bawah, Yang Berhormat meninjau salah satu aktiviti yang disediakan pada ekspo tersebut.



Barigakan pendaftaran perniagaan secara *online*



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad hadir mendengarkan taklimat berkenaan.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



PEMANGKU Pegawai Kewangan Kanan, Awang Mohd. Saiful Adilin bin Haji Edin menyampaikan Taklimat Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan secara *Online* di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

TEMBURONG, Sabtu, 5 September. - Para usahawan dan pemilik syarikat di negara ini kini boleh mendaftarkan nama-nama perniagaan masing-masing secara *online* mulai 1 Ogos yang lalu.

Bagi membarigakan perkara tersebut, Kementerian Kewangan telah mengadakan Sesi Taklimat Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan secara *Online*, dan Perintah Penyimpanan Rekod-Rekod (Perniagaan) 2015, berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Taklimat Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan secara *Online* telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Kewangan Kanan, Awang Mohd. Saiful Adilin bin Haji Edin, yang antaranya menjelaskan pendaftaran nama-nama perniagaan hendaklah memenuhi syarat-syarat

pendaftaran termasuklah tidak mufliis.

Para pemilik syarikat atau perniagaan, tegasnya, hendaklah terlebih dahulu memilih nama perniagaan dan jenis perniagaan masing-masing sebelum diberikan Sijil Pendaftaran 16, iaitu dokumen sijil pendaftaran dan bukannya lesen perniagaan seperti mana yang sering disalah anggap oleh kebanyakan pemohon.

Juga menyampaikan taklimat ialah Pegawai Kewangan, Awang Fauzi bin Haji Samat yang menyentuh mengenai rekod-rekod perniagaan di mana penyimpanan rekod-rekod perniagaan yang teratur akan membantu peniaga-peniaga membuat perancangan kewangan yang teratur, membuat keputusan kewangan bagi perniagaan, dan menarik pelabur-pelabur yang berpotensi.

Taklimat yang julung kali diadakan itu antara lain mempunyai objektif untuk memaklumkan kepada orang ramai bahawa pendaftaran nama-nama perniagaan sekarang boleh dibuat secara *online* mulai 1 Ogos 2015 dan merupakan keperluan bagi setiap entiti perniagaan di Negara Brunei Darussalam untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan dengan teratur selaras dengan Perintah Penyimpanan Rekod-Rekod (Perniagaan) 2015.

Antara yang hadir mendengarkan taklimat tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad serta Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Taklimat yang akan dilartakan ke daerah-daerah lain di negara ini dihadiri oleh para peniaga tempatan dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung di daerah ini.

Maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang, <http://www.mof.gov.bn>.

MAKLUMAN

TelBru naik taraf sistem bermula 11 - 14 September 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) dalam usaha untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan akan menjalani proses menaik taraf sistem bermula dari hari Jumaat, 11 September 2015 pada jam 10.00 malam hingga hari Isnin, 14 September 2015 pada jam 4.00 pagi.

Dalam tempoh ini, Sistem Perkhidmatan Pelanggan TelBru, Aplikasi e-Bill dan e-Bill Online tidak akan berfungsi buat sementara waktu.

Oleh itu, pelanggan-pelanggan tidak akan dapat membuat pembayaran melalui Aplikasi e-Bill dan e-Bill Online, menyemak baki bil, menyemak penggunaan data perkhidmatan jalur lebar serta membeli top-up bagi perkhidmatan jalur lebar.

Walau bagaimanapun menurut Siaran Akhbar TelBru, pelanggan-pelanggan masih boleh membuat transaksi melalui kaunter termasuk pembayaran dan permohonan perkhidmatan di mana-mana cawangan TelBru atau melalui kaedah bayaran alternatif yang lain termasuk Pejabat Pos dan bank.

Akan tetapi, kesemua pembayaran dan permohonan yang dibuat dalam tempoh masa tersebut hanya akan diproses selepas proses menaik taraf selesai dilaksanakan.

Orang ramai turut diingatkan bahawa selepas proses menaik taraf tersebut selesai, hanya pelanggan e-Bill sahaja yang perlu mengambil tindakan selanjutnya.

Pelanggan Aplikasi e-Bill perlu memuat turun aplikasi versi baru yang akan tersedia pada masa yang akan dimaklumkan kemudian. Pihak TelBru juga akan menghubungi pelanggan-pelanggan e-Bill khususnya mengenai perkhidmatan e-Bill mereka.

TelBru ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami melalui talian 111.

Festival menawarkan peluang keusahawanan kalangan belia



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman merasmikan Festival Hari Belia Kebangsaan 2015 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd.Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Festival Hari Belia Kebangsaan 2015 merupakan satu platform terbaik buat para belia di negara ini untuk menjana ekonomi dengan menawarkan peluang keusahawanan terutama mereka yang

sedang mencari peluang pekerjaan. Festival selama empat hari bermula hari ini yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dirasmikan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin

Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman selaku tetamu kehormat.

Sejurus merasmikan festival berkenaan, tetamu kehormat dibawa berkunjung ke gerai-gerai jualan sambil beramah mesra dengan para belia.

Lebih 70 petak gerai dan bazar jualan telah disediakan dengan harga yang berpatutan, iaitu 30 petak bazar untuk orang awam, 24 petak untuk usahawan muda tempatan dan 20 petak untuk gerai makanan.

Di samping itu, pelbagai aktiviti juga turut disusun dalam memeriahkan lagi festival ini antaranya Pesta Buah dan Pencarian Raja Durian; Malam Cinta Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Perlawanan Futsal; Baucer Slide Tertinggi di Brunei; Kejohanan Play Station 4; Persembahan Nasyid dan Tausyeh daripada artis tempatan dan luar negara serta bermacam-macam lagi.

Semalam, aktiviti Malam Cinta Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membuka tirai bagi festival tersebut yang telah berjaya menarik

ribuan belia hadir bagi sama-sama menzahirkan rasa cinta kepada Allah dan Rasulullah melalui pembacaan Al-Qur'an dan Hadith, alunan qasidah dan selawat serta tazkirah.

Dalam pada itu, festival ini juga merupakan salah satu inisiatif oleh pihak penganjur, iaitu Jabatan Belia

dan Sukan dalam menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penghijrahan minda yang perlu dilakukan, iaitu dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh kepada rajin bekerja.



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dibawa melawat ke petak-petak jualan di Festival Hari Belia Kebangsaan 2015.

Kontinjen Ke-11 IMT selamat pulang ke tanah air



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah bergambar ramai bersama Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Ke-11 Negara Brunei Darussalam yang selamat pulang ke tanah air setelah selesai melaksanakan tugas di Bandaraya Cotabato, Mindanao, Republik Filipina.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KETUA Kontinjen IMT Ke-11, Leftenan Kolonel Haji Huzaimi bin Pehin Datu Harimau Padang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Husin semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

RIMBA, Jumaat, 4 September. - Rombongan seramai lapan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) daripada Kumpulan Ke-11 Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Negara Brunei Darussalam ke Mindanao telah selamat pulang ke tanah air setelah selesai melaksanakan tugas di Bandaraya Cotabato, Mindanao, Republik Filipina.

Ketibaan mereka di Pusat Pergerakan Udara (AMC), Tentera Udara Diraja Brunei Rimba dialu-alukan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Kontinjen Ke-11 IMT diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Huzaimi bin Pehin Datu Harimau Padang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Husin, berserta para anggota yang terdiri daripada Mejar (U) Pengiran Muhd. Mujib bin Pengiran Haji Umar Ariffin; Mejar Mohd. Azmi bin Mohd. Taib; Kapten Mohd. Asmafahmi Hazmin bin Haji Mohd. Sultan; Kapten Abdul Aziz bin Haji Razali; Penolong Penguasa Polis Haji Mohd. Termizi bin Dr. Haji Mohd. Yusop; PW2 Saiful Bahri bin Haji Latif dan PW2 Pengiran Hashim bin Pengiran Abdul Rahman.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Penolong Ketua Jabatan Agama ABDB (JAMAAT), Kapten Awang Ariffin bin

Amit.

Dalam temu bual bersama pihak media, Ketua Kontinjen, Leftenan Kolonel Haji Huzaimi menjelaskan bahawa pengalaman-pengalaman sepanjang melaksanakan tugas di Mindanao, iaitu selama setahun sesungguhnya suatu pengalaman yang mencabar kerana tugas utama mereka ialah mengekalkan keamanan situasi di Mindanao.

Jelasnya, beberapa insiden gencatan bersenjata berlaku sepanjang bertugas di sana namun ia berjaya ditangani dengan baik oleh pihak Kerajaan Filipina serta pasukan-pasukan pemantau antarabangsa seperti negara Malaysia, Negara Brunei Darussalam, Norway dan Jepun.

Beliau seterusnya melahirkan rasa syukur kerana telah selamat menyelesaikan tugas di sana bersama kontinjennya dan berterima kasih ke atas Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau dalam mengetuai misi kali ini.

Penyertaan dalam operasi luar negara adalah atas usaha kerjasama serantau dalam menyokong keamanan dan kestabilan negara-negara jiran.

Sementara itu, penglibatan kontinjen negara memberi peluang kepada anggota ABDB dan PDB untuk meraih pengalaman serta pendedahan dalam misi luar negara.

Juga hadir Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemangku Pesuruhjaya PDB, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Komanda-komandan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB serta ahli keluarga.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih ketika menyematkan toha kepada anggota IMT Ke-11.

Bagaimana Menghidupkan Sepuluh Hari Pertama di Bulan Zulhijjah?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Kelebihan Hari-Hari *al-'Asyr al-Awa'il*

BULAN Zulhijjah adalah bulan suci yang sangat istimewa dan penuh dengan kebajikan serta keberkatan. Bulan Zulhijjah dikenali umum sebagai bulan yang dikhususkan padanya ibadah haji dan qurban. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa keistimewaan bulan Zulhijjah bukan setakat pada pensyariatannya dua ibadah itu sahaja. Selain keistimewaan pada dua ibadah itu, perlu juga diketahui bahawa sepuluh hari pertama daripada bulan tersebut, atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *al-'asyr al-awa'il*, adalah hari-hari yang agung dan sangat istimewa di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
Sebenarnya sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah itu adalah lebih utama daripada hari-hari yang lain. Adapun hari Jumaat dalam lingkungan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah adalah lebih utama daripada hari-hari Jumaat pada hari-hari biasa. Sementara hari 'Arafah pula adalah hari yang paling afdhal dalam lingkungan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah itu.

Betapa agung dan istimewanya sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah itu sehinggalah amal soleh yang dikerjakan di dalamnya adalah lebih afdhal daripada amal soleh pada hari-hari lain. Bahkan amal salah di dalamnya dianggap lebih afdhal daripada pulang selepas berjuang pada jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada amal soleh yang lebih afdhal daripada amal soleh pada hari-hari ini (sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah)."

Para sahabat bertanya : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya)?

Baginda menjawab : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya), kecuali seorang yang keluar berjuang dengan jiwa dan hartanya lalu dia tidak kembali dengan suatu apa pun (mati syahid)."

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Begitu istimewanya sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah itu sehinggalah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah bersumpah dengannya dalam al-Qur'an. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : "Demi fajar (1) Demi malam-malam yang sepuluh (2)."

(Surah al-Fajr: 1-2)

Menurut Ibnu 'Abbas, 'Abdullah bin az-Zubair, Qatadah, Mujahid dan ramai ahli tafsir salaf dan khalaf, maksud "*malam-malam yang sepuluh*" dalam ayat berkenaan ialah sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah.

Atas dasar tidak mahu ketinggalan merebut keistimewaan ini, para salaf as-salih umpamanya Sa'id bin Jubair *Rahimahullah*,

apabila masuk sahaja sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah, dia akan berusaha mempertingkatkan amalnya dengan seluruh kemampuannya.

Imam Ibnu Hajr al-'Asqalaani *Rahimahullah* berkata : "Dan apa yang jelas, adapun sebab keistimewaan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini ialah kerana terhimpun di dalamnya beberapa ibadah yang besar iaitu: sembahyang, puasa, sedekah dan haji. Pada waktu-waktu yang lain, ibadah-ibadah ini tidak pernah terhimpun sebegitu."

Amalan-Amalan Yang Dianjurkan Pada Hari-Hari *al-'Asyr al-awa'il*

Taqarrub yakni mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan amal soleh sememangnya dituntut pada setiap masa. Bagaimanapun, terdapat beberapa masa serta keadaan di mana ia lebih dituntut serta ganjarannya lebih besar daripada masa serta keadaan yang lain. Ini adalah satu kurniaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang sepatutnya direbut dan dimanfaatkan oleh sekalian hamba-Nya. Salah satu daripada hari-hari istimewa tersebut adalah hari-hari *al-'asyr al-awa'il*, iaitu sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini.

Tanggal 10 Zulhijjah sedia dimaklumi merupakan Hari Raya 'Idul Adha yang diisi dengan takbir, Sembahyang Sunat 'Idul Adha, ibadah qurban dan sebagainya. Jadi apa pula bentuk amalan untuk mengisikan sembilang hari pertama bulan Zulhijjah ini?

Berikut beberapa amalan yang paling utama serta patut dikerjakan dan dilipat gandakan pada hari-hari tersebut, antaranya :

(1) Memperbanyakkan Sembahyang Sunat
Ibadah sembahyang adalah ibadah yang pertama sekali dihisab pada hari akhirat kelak. Sembahyang sunat secara khususnya pula mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana ia akan menjadi penambal terhadap kekurangan-kekurangan yang berlaku atau terdapat pada sembahyang fardhu. Ini menjadikan ia ibadah yang paling utama dan merupakan antara cara paling afdhal untuk taqarrub yakni mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ia juga antara cara terbaik untuk memperoleh kecintaan-Nya sekaligus mengangkat darjat kita di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Memandangkan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini merupakan hari-hari yang mana amal ibadah padanya paling disukai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, maka amalan sembahyang-semahyang sunat sayugia diperbanyakkan.

(2) Puasa Sunat

Ibadah puasa juga merupakan antara amalan yang paling utama pada hari pertama hingga sembilang Zulhijjah ini.

Mengenai kelebihan amalan puasa pula, dalam sebuah hadits qudsi yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : "Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman : Semua amal ibadah anak

Adam adalah bagi dirinya sendiri kecuali ibadah puasa. Sesungguhnya ibadah puasa itu adalah untuk-Ku dan Aku sendiri yang akan mengurniakan ganjaran pahala baginya."

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Adapun puasa sunat yang sangat dianjurkan pada hari pertama hingga sembilang Zulhijjah ialah :

(i) Puasa Sunat 'Arafah (9 Zulhijjah)

Hukum puasa sunat 'Arafah adalah sunat *muakkadah* (yang sangat dituntut) bagi orang yang tidak mengerjakan haji dan ia adalah puasa yang paling utama dan paling dituntut pada hari-hari *al-'asyr al-awa'il* ini.

Sebaliknya orang yang mengerjakan haji disunatkan untuk tidak berpuasa walaupun dia berupaya untuk melaksanakan puasa.

Begitu juga tidak disunatkan bagi orang yang musafir serta orang sakit untuk berpuasa pada hari 'Arafah jika dengan berpuasa itu akan mendatangkan kepayahan kepada mereka.

Puasa sunat 'Arafah sangat besar fadhilatnya. Abu Qatadah *Radhiallahu 'anh* meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

Maksudnya : "Puasa hari 'Arafah, aku memohon kepada Allah agar menebus dosa-dosa setahun sebelumnya serta setahun selepasnya."

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Hadits ini bermaksud bahawa mengerjakan puasa sunat 'Arafah itu diberikan ganjaran pengampunan dosa-dosa setahun sebelum hari 'Arafah yang lalu serta setahun selepas hari 'Arafah yang akan datang.

Imam al-Mawardi *Rahimahullah* berkata bahawa 'pengampunan' dalam hadits tersebut mempunyai dua tafsiran :

i. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengampunkan dosanya pada dua tahun tersebut.

ii. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memeliharanya pada dua tahun tersebut, dan dia tidak akan berbuat maksiat pada dua tahun itu.


Adapun pengampunan dosa-dosa yang dimaksudkan itu adalah pengampunan bagi dosa-dosa kecil sahaja. Ini kerana dosa-dosa besar hanya dapat diampunkan dengan taubat atau (pengampunan) melalui rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, sepertimana yang dinukil oleh Imam asy-Syaukani *Rahimahullah* dalam kitabnya Nail al-Authar, sekiranya orang yang mengerjakan puasa sunat 'Arafah itu tidak mempunyai dosa-dosa kecil, maka akan diampunkan pula baginya dosa-dosanya yang besar. Sekiranya dia tidak juga mempunyai dosa-dosa besar, maka puasanya itu akan mengangkat darjatnya.

(ii) Puasa Keseluruhan hari Pertama hingga Sembilan Zulhijjah

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, puasa sunat pada hari pertama hingga sembilang Zulhijjah merupakan puasa sunat yang sangat-sangat dituntut dan digalakkan.

Salah satu dalil pensyariatannya puasa ini ialah sebuah hadits yang diriwayatkan daripada salah



Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

seorang isteri Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, katanya :

Maksudnya : "Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berpuasa pada sembilang hari pertama bulan Zulhijjah"

(Hadits riwayat Imam Abu Daud dan Imam Ahmad)

(3) Memperbanyakkan Zikir

Perkara ini ada disebutkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* di mana Baginda menggalakkan supaya memperbanyakkan zikir pada hari-hari tersebut.

Daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada hari-hari yang lebih agung di sisi Allah serta tidak ada hari-hari di mana amalan pada hari-hari tersebut lebih disukai oleh-Nya lebih daripada sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini. Maka perbanyakkanlah pada hari-hari itu tahlil dan takbir serta tahmid."

(Hadits riwayat Imam Ahmad)

Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata : "Dan berzikirlah kamu mengingat Allah *Aubhanahu wa Ta'ala* di hari-hari yang tertentu iaitu sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah serta hari-hari yang tertentu bilangannya iaitu hari-hari yang tasyriq."

Imam al-Bukhari *Rahimahullah* berkata dalam Shahihnya : "Adapun Ibnu 'Umar dan Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh* keluar ke pasar pada sepuluh hari-hari pertama bulan Zulhijjah dan bertakbir, lalu orang ramai (yang mendengarnya) turut sama bertakbir."

Inilah sebahagian amalan yang elok dilipat ganda dan diperbanyakkan pada hari-hari *al-'asyr al-awa'il* itu. Selain itu, banyak lagi amalan lain yang boleh dilakukan seperti memperbanyakkan sedekah, berdoa, membaca al-Qur'an, bersalawat dan sebagainya. Jangan biarkan hari-hari istimewa ini berlalu begitu sahaja tanpa direbut segala kelebihan-kelebihan yang ada padanya kerana ini adalah peluang keemasan untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta mengangkat darjat di sisi-Nya. Kita tidak tahu adakah kita masih berpeluang lagi menemuinya selepas ini ataupun sebaliknya.

Islam membina keluarga sakinah

menunaikan segala tuntutan agama dan meninggalkan segala larangannya. Selain itu, ibu bapa wajib memberikan ilmu dunia dan akhirat kepada anak-anak. Anak-anak yang berilmu dan beriman akan sentiasa mengingati ibu bapa mereka apabila mereka telah tua ataupun meninggal dunia. Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadits bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara sahaja iaitu sedekah yang berkekalan, ilmu yang boleh dimanfaatkan dengannya dan doa daripad anak-anak yang soleh."

Tanpa bekalan ilmu untuk dunia dan akhirat, anak-anak akan hilang panduan dalam menjalani kehidupan mereka. Kegagalan ibu bapa dalam memberikan pendidikan agama yang sempurna akan mengakibatkan terjadinya berbagai-bagai gejala sosial sekali gus memberikan kesan yang tidak baik kepada negara.

Selain memberikan pendidikan, ibu bapa haruslah memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak dengan mendampingi

mereka dan sentiasa berada di samping mereka walau dalam apa keadaan sekalipun. Ibu bapa harus bersedia membantu anak-anak, sama ada dalam pelajaran mahupun dalam hal pergaulan mereka dengan memberikan tunjuk ajar dan nasihat. Sikap ibu bapa yang seperti ini akan menjadikan anak-anak merasa diri mereka disayangi dan dilindungi. Hubungan yang baik antara anak-anak dan ibu bapa akan membawa ke arah keluarga yang bahagia.

Islam mewajibkan agar anak-anak sentiasa menghormati dan mentaati kedua ibu bapa mereka sebagai mana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Luqman ayat 14 yang tafsirnya :

"Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan kelemahan dan tempoh menghentikan penyusuan dalam dua tahun, (dengan demikian) : Bersyukurlah kepadaKu dan kepada ibu bapamu. Kepada Aku jualah tempat kembali."

Di samping itu anak-anak perlulah dididik dengan pergaulan yang baik

sesama mereka. Ibu bapa mestilah berlaku adil dalam melayani karenah anak-anak mereka. Anak-anak yang lebih kecil perlu dididik agar menghormati saudaranya yang lebih tua dan sebaliknya, saudara yang lebih tua haruslah bersikap tolak ansur dan belas kasihan terhadap adik-adik yang lebih kecil. Sikap seperti ini amat perlu dalam memastikan keharmonian dalam sesebuah keluarga. Tanpa hasad dengki dan rasa permusuhan, barulah sesebuah keluarga itu dapat hidup dalam bahagia dan aman damai serta penuh kasih sayang.

Oleh itu, kita haruslah merasa bangga dilahirkan sebagai umat Islam. Ini kerana, agama Islam adalah agama yang lengkap merangkumi segala aspek kehidupan bukan hanya mementingkan akidah semata-mata. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah al-Maa'idah ayat 3 yang tafsirnya :

"Pada hari ini Aku telah menyempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah mencukupkan atas kamu nikmatKu dan Aku telah meredhai bagi kamu Islam sebagai agama (kamu)."



ISLAM amat mengambil berat dalam membentuk keluarga yang penyayang. Pembentukan keluarga dalam Islam bermula dengan ikatan perkahwinan antara lelaki dan perempuan secara sah mengikut hukum Islam itu sendiri. Apabila rumahtangga itu dibina dengan asas yang sempurna dan sah, maka ia akan mendapat keredhaan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Oleh itu membina keluarga yang bahagia dan penyayang mestilah mengikut ajaran dan panduan yang telah digariskan oleh agama Islam.

Islam telah mengingatkan bahawa isteri adalah amanah daripada Allah dan menjadi kewajipan ke atas setiap

suami agar menjaga, memelihara dan memberikan pendidikan yang sebaik-baiknya. Bagi pihak isteri pula, adalah wajib mentaati suami mereka dalam semua perkara selagi tidak bercanggah dari hukum syara'.

Anak-anak adalah pelengkap dalam kehidupan berumah tangga. Anak-anak juga merupakan amanah Allah kepada setiap ibu bapa untuk dijaga, dipelihara dan diberi pendidikan yang sempurna. Kewajipan ibu bapa ialah membentuk peribadi anak-anak selaras dengan tuntutan agama. Ibu bapa merupakan model kepada anak-anak. Oleh itu, sewajarnya ibu bapa memberikan contoh yang mulia, di samping

Nikmati kemakmuran tanpa dadah

PAMERAN ANTI DADAH

Bermula 8 hingga 13 September 2015
di The Mall Gadong
Tema :
'Apa yang awda tidak ketahui boleh membunuh'

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Azmah Haji Ahad

KESEDARAN tentang bahaya penyalahgunaan dadah terus dipergiat oleh pihak-pihak tertentu di negara ini demi menyelamatkan masyarakat daripada anasir negatif ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sering menekankan betapa anasir ini perlu diperangi habis-habisan kerana ia boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 4



PENOLONG Pengarah Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah BKN, Awang Osmawi Osman.



Jamadilawal 1436 Hijrah / 22 Februari 2015 Masihi, baginda telah bertitah:

"Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah di mana dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibubapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu."

Menggandakan usaha memerangi penyalahgunaan dadah sepertimana yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu amatlah penting kerana seseorang penagih tidak boleh berfikir secara waras dan boleh mendorong mereka untuk bertindak di luar kawalan. Malah mereka boleh saja melakukan aktiviti jenayah yang boleh menggugat kesejahteraan masyarakat seperti mencuri dan merompak untuk membeli dadah.



ANTARA yang menarik perhatian orang ramai ialah pameran peralatan yang digunakan oleh penagih dadah.

PAMERAN ANTI DADAH

Pihak kerajaan melalui BKN ketika ini sedang mengunakayahkan Pameran Anti Dadah di The Mall Gadong. Pameran yang diadakan sempena cuti persekolahan itu bermula kelmari, 8 hingga 13 September 2015 dengan tema 'Apa Yang Awda Tidak Ketahui Boleh Membunuh' (What You Don't Know Can Kill).

Kempen anti dadah seumpama ini sememangnya giat dilaksanakan saban tahun pada musim cuti persekolahan oleh pihak penganjur kerana ia adalah bagi menyampaikan mesej anti dadah dan meningkatkan kesedaran serta kefahaman masyarakat tentang bahaya dadah melalui pameran gambar-gambar dan contoh bahan-bahan dadah secara langsung. Apatah lagi keadaan masa kini yang lazim mempunyai pelbagai modus operandi yang baru dan turut memerlukan pengemaskinian maklumat.

Menurut Penolong Pengarah Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah BKN, Awang Osmawi Osman, pameran kali ketiga sempena cuti sekolah itu merupakan kesinambungan kepada pameran sebelumnya. Jelasnya melalui kempen ini pihaknya telah dapat mendengar aduan dan berkongsi cerita yang dihadapi orang ramai.

Orang ramai jelasnya, mesti mengetahui tentang rupa, bentuk dan beberapa teknik penjualan kerana jika kita tidak mengetahui, ia boleh membunuh sama ada berbentuk kematian mahupun kehancuran masa depan dan keluarga.

Pada tahun ini jelasnya, pihak BKN turut melibatkan agensi lain pada pameran tersebut iaitu Pusat Promosi Kesihatan bahagian



TURUT dipamerkan adalah beberapa jenis dadah yang disalahgunakan.



'BUAT pilihan yang tepat. Jangan pilih dadah bagi mengisi kebosanan'. Mesej yang disampaikan melalui bahan pameran ini.

tembakau, BASMIDA dan beberapa pelajar yang menjalani penempatan kerja.

Bagi memeriahkan lagi suasana sepanjang pameran, beberapa aktiviti lain turut diadakan antaranya kuiz, permainan, drama dan persembahan sajak, nyanyian secara busking. Orang ramai yang berminat bolehlah menunjukkan bakat masing-masing pada pameran tersebut.

Antara yang menarik perhatian orang ramai ialah pameran peralatan yang digunakan oleh penagih dadah. Turut dipamerkan beberapa poster, keterangan-keterangan tentang akta dadah berbahaya dan sebagainya.

Kunjungan daripada orang ramai ke pameran tersebut menunjukkan kepekaan dan minat yang tinggi

mereka mendapatkan maklumat tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Sehingga artikel ini ditulis, lebih 600 orang telah mengunjungi pameran ini. Orang ramai juga telah mengemukakan pelbagai persoalan kepada para pegawai dan kakitangan BKN yang bertugas.

Adalah diharapkan agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi dapat memanfaatkan maklumat yang diperolehi percuma ini demi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Semoga usaha murni ini akan terus diberkati dan negara akan terus menikmati kemakmuran tanpa dadah.



PAMERAN turut disertai oleh persatuan BASMIDA.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan BKN ketika bergambar ramai.

Kapasiti kepimpinan, kewibawaan pegawai-pegawai kanan ditingkatkan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

RIMBA, Isnin, 7 September. - Seramai 72 orang peserta daripada Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-22 dan Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-20 dan Ke-21 menerima sijil masing-masing dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil EDPSGO Ke-22 dan EDPMMO Ke-20 dan Ke-21 yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis penyampaian sijil berkenaan kepada peserta.

Seramai 27 orang peserta mengikuti Program EDPSGO Ke-22, manakala seramai 26 orang peserta mengikuti Program EDPMMO Ke-20 dan 20 orang peserta mengikuti EDPMMO Ke-21.

Program Pembangunan Eksekutif bagi pegawai-pegawai kerajaan dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dikelolakan bersama Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam yang berjalan selama lapan minggu itu pada asasnya



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) bergambar kenangan dengan tetamu kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan kewibawaan pegawai-pegawai kanan kerajaan, di samping itu program ini juga akan dapat membaharui tekad dan azam peserta-peserta program ke arah usaha untuk menangani cabaran dalam Perkhidmatan Awam.

Salah satu komponen di dalam program EDPSGO ini adalah penempatan sementara selama dua minggu di agensi-agensi kerajaan, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih terperinci terhadap dasar-dasar dan peranan setiap agensi kerajaan yang di luar kementerian / jabatan masing-masing.

Manakala program EDPMMO pula merupakan satu latihan inovatif dan program pembangunan untuk pegawai-pegawai pengurusan

pertengahan yang berpotensi dalam menyedia dan membekalkan pegawai tersebut dengan meningkatkan kepimpinan dan kemahiran pengurusan.

Antara objektif utama program ini adalah untuk membina pemahaman semasa mengenai senario global yang akan memberi impak kepada perkhidmatan dan pentadbiran awam. Isi kandungan program juga turut memuatkan isu-isu global dan semasa.

Fasilitator-fasilitator yang menyampaikan modul-modul dalam program ini adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah UBD dan pakar-pakar yang didatangkan dari luar negara.

Setakat ini Program EDPMMO telah diadakan sebanyak 21 kali yang



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) bergambar kenangan dengan tetamu kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bergambar dengan peserta Program EDPMMO Ke-21.

mana seramai 490 orang pegawai telah pun mengikuti program tersebut, sementara Program EDPSGO telah

diadakan sebanyak 22 kali dan seramai 445 orang pegawai kanan telah pun mengikuti program tersebut.

MKKJR tingkatan kesedaran keselamatan jalan raya

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 September. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Sesi Dialog bersama persatuan, kelab-kelab dan kumpulan berbasikal di Negara Brunei Darussalam serta para pengguna

basikal yang lain.

Sesi Dialog berkenaan merupakan salah satu inisiatif berterusan MKKJR sebagai program meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya terutama pengguna-pengguna basikal di negara ini.

Setiasua Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof mempengerusikan Sesi Dialog berkenaan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan.

Awang Abdul Mutalib menjelaskan, tujuan sesi bagi membincangkan dan berkongsi mengenai amalan-amalan terbaik berbasikal yang selamat, di samping merangka strategi bagi mengenal pasti pendekatan dan kerja usaha sama yang terbaik di antara MKKJR dan persatuan serta kelab-kelab berbasikal di Negara Brunei Darussalam, dalam usaha mempertingkatkan lagi keselamatan jalan raya di negara ini, khususnya para pengguna yang berisiko tinggi seperti pejalan kaki, penunggang basikal dan motosikal.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai



SETIASUAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Mulia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof semasa memberi taklimat mengenai keselamatan di jalan raya.

kanan kerajaan dari Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Jalan Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Kementerian Perhubungan.

Sesi dialog tersebut dihadiri lebih 40 penunggang basikal, ahli-ahli persatuan berbasikal di negara ini

dan orang awam.

Hasil daripada dialog ini akan dijadikan sebagai landasan MKKJR dan agensi-agensi berkenaan dalam rangka strategi mengurangkan kemalangan yang melibatkan pengguna jalan raya yang berisiko tinggi.

NBD giat usaha tembusi industri halal dunia



TIMBALAN Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Khairuddin semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Mini Seminar Peluang Pelaburan dalam Industri Halal.

Dari muka 1

Seminar diadakan bagi memberi kefahaman mengenai proses sijil halal di negara ini untuk usahawan-usahawan Thailand yang berada di Negara Brunei Darussalam.

Terdapat empat sesi seminar diadakan pada pagi ini, yang mana sesi pertama 'Inisiatif Brunei Halal' yang disampaikan oleh Ketua Pusat Industri Inovasi Halal, KPSSU, Awang Haji Sabri bin Haji Mohd. Taha; Timbalan Ketua Eksekutif Kanan Koperasi Makanan Antarabangsa Ghanim, Dayang Feby Latip; 'Proses Sijil Brunei Halal' yang disampaikan oleh wakil dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan 'Era Baru Halal Tanpa Sempadan' dan 'Sistem Sijil Halal Thailand' yang disampaikan oleh wakil dari Pusat Sains Halal Universiti Chulalongkorn dan Institut Halal Standard Thailand.

Dianugerahkan Lencana Kagitingan TDRF

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

MANILA, REPUBLIK FILIPINA. - Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud telah dianugerahkan Lencana Kagitingan, Tentera Darat Republik Filipina - TDRF (Philippine Army) pada 3 September lepas.

Penganugerahan disempurnakan oleh Commanding General Philippine Army, Leftenan Jeneral Eduardo Manahan Año dan disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan TDRF. Penganugerahan tersebut berlangsung semasa Kunjungan Pengenalan Pemerintah TDDB ke Republik Filipina pada 2 hingga 4 September 2015.

Kunjungan pengenalan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama ketenteraan yang sedia terjalin di antara TDDB dan TDRF serta Angkatan Bersenjata Republik Filipina.

Penganugerahan lencana ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan TDRF kepada pemimpin tertinggi tentera atau kerajaan luar negara.



PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud telah dianugerahkan Lencana Kagitingan, Tentera Darat Republik Filipina yang disempurnakan oleh Commanding General Philippine Army, Leftenan Jeneral Eduardo Manahan Año.

Majlis meraikan persaraan mantan Ketua Hakim Syar'ie



KETUA Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar hadir pada majlis berkenaan.



KETUA Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim menyampaikan cenderahati kepada mantan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Qari negara pulang dari MTQ Antarabangsa III Jakarta

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Rombongan negara yang telah mengikuti Musabaqah Tilawah Qur'an (MTQ) Antarabangsa III di Jakarta, Republik Indonesia telah selamat kembali ke tanah air.

Negara diwakili oleh Awang Muhammad Abu Hurairah bin Awang Ariffin, mahasiswa Ma'had Qiraat Shubra Al-Azhar, Mesir, iaitu peserta Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an serta Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, seorang tenaga pengajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah, iaitu peserta Kategori Tilawah Al-Qur'an.

Awang Muhammad Abu Hurairah dan Pengiran Muhammad Amirul Aiman menerima saguhati

penyertaan MTQ.

Awang Muhammad Abu Hurairah ketika ditemu bual berkata, penyertaan beliau ke MTQ adalah kali ketiga dan telah menimba banyak pengalaman serta pengajaran daripada mengikuti pertandingan-pertandingan berkenaan.

Bacaan Doa Selamat bagi menyambut ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah dibacakan oleh wakil peserta, Awang Muhammad Abu Hurairah.

Rombongan negara berada di Jakarta, Republik Indonesia sejak 30 Ogos 2015 bersama seorang pembimbing Awang Haji Wasli bin Haji Abu Bakar dan Pengurus Rombongan, Awang Adi Nuriman bin Pengarah Haji Abdullah.



KEPULANGAN rombongan Musabaqah Tilawah Qur'an (MTQ) Antarabangsa III negara dari Jakarta, Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Mahkamah-Mahkamah Syariah Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Majlis Meraikan Persaraan Bagi Mantan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Turut hadir ialah Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif / Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Setiausaha-Setiausaha Tetap di JPM dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan kerajaan; Hakim-Hakim Syar'ie; Peguam-Peguam Syar'ie serta pegawai dan kakitangan Mahkamah-Mahkamah Syariah Jabatan Kehakiman Negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Tuan Hakim Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

Majlis turut diserikan dengan persembahan syair yang disampaikan oleh Ketua Pendakwa Syar'ie, Awang Haji Johar bin Haji Mohamad, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada mantan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya.

Mohd. Shahfirul Iqbal johan Membaca Khutbah Jumaat



PARA peserta yang menyertai Peraduan Membaca Khutbah Jumaat.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 5 September. - Awang Mohd. Shahfirul Iqbal bin Abd. Sufri yang mewakili Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait muncul johan Peraduan Membaca Khutbah Jumaat yang berlangsung di Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau Belait.

Sementara naib johan disandang oleh Adi Hafizee Zunidi yang mewakili Masjid Zainab Kampung Lumut, manakala Mohd. Aiman bin Yahya wakil dari Masjid Kampung Sungai Liang menduduki tempat ketiga.

Seramai 12 peserta Kumpulan Belia Masjid dari masjid-masjid di Daerah Belait telah menyertai peraduan yang diumumkan oleh Pejabat Hal

Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau Belait.

Peraduan Membaca Khutbah Jumaat merupakan salah satu cara untuk mendekatkan golongan belia dengan masjid yang mana mereka boleh mengikuti pelbagai aktiviti yang bermanfaat, di samping dapat menunaikan kewajipan syara' dan juga ibadat-ibadat yang lain seperti solat, membaca Al-Qur'an dan sebagainya.

PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyampaikan hadiah kepada johan Peraduan Membaca Khutbah Jumaat, Awang Mohd. Shahfirul Iqbal bin Abdul Sufri.



60 guru sekolah rendah ikuti Program Pembangunan



SEBAHAGIAN daripada guru-guru sekolah rendah yang menghadiri Program Pembangunan anjuran Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui Jawatankuasa Kajian Kerja.

Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Rendah YSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) melalui Jawatankuasa Kajian Kerja (Work Review Committee) menganjurkan Program Pembangunan khusus bagi meningkatkan pengetahuan para guru sekolah rendah.

Program yang dilaksanakan oleh dua orang tenaga pengajar tempatan antara lain menumpukan mengenai aspek penilaian kerja dan profil pelajar masing-masing.

Seramai 60 guru sekolah rendah mengikuti program tersebut yang diadakan pada hari ini dan 16 September 2015 bertempat di Dewan Rendah, SR YSHHB, di sini.

Program antara lain bertujuan sebagai usaha dalam menyediakan dan membina pendidikan berkualiti serta individu yang berkemahiran tinggi selaras dengan Wawasan Negara 2035.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 38 (a)		PERATURAN 38(b)	
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam. TARIKH TUTUP: 30 SEPTEMBER 2015		Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan. TARIKH TUTUP: 30 SEPTEMBER 2015 & 07 OKTOBER 2015	
1. TIMBALAN PESURUHJAYA BURUH KUMPULAN 3 BAHAGIAN I JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN = 1	2. PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KANAN B.3 BAHAGIAN II JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 1	1. PEMBANTU TERNAKAN KANAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERTANIAN & AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA KEKOSONGAN = 1	2. PENYEMAK KANAN C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III UNIT PENERBITAN JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = 1
3. JURUTERA ELEKTRIK B.32 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN KEKOSONGAN = 1	4. PEGAWAI PERANGKAAAN B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = 1	3. TEKNISIYEN PEMELIHARA PERALATAN MATA D.4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = 1	4. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I D.4 EB.5 BAHAGIAN IV PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA KEMENTERIAN KEWANGAN KEKOSONGAN = 1
5. SERANG TINGKAT I D.4-5 EB.6 BAHAGIAN IV JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN KEKOSONGAN = 1			

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-siji atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, siji-siji kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimua tnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn, recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM TINGKAT III - PMKK.4 (\$3,880 - \$4,240)

- bagi
i. MUKIM SABA,
ii. MUKIM BURONG PINGAI AYER,
iii. MUKIM KIANGGEH.
DAERAH BRUNEI DAN MUARA

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Mukim Saba, Mukim Burong Pingai Ayer dan Mukim Kianggeh untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Penghulu Mukim Tingkat III bagi Mukim Saba, Mukim Burong Pingai Ayer dan Mukim Kianggeh, Daerah Brunei dan Muara.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III

- Calon Penghulu Mukim hendaklah :-
 - Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Berumur tidak kurang empat puluh lima (45) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
 - Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.
 - Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
 - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.
 - Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.
 - Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.
 - Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
 - Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu Mukim.
 - Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.
 - Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.
 - Tidak diisytiharkan sebagai seorang muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.
 - Calon-calun hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
 - Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
 - Mempunyai Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
 - Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.
 - Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari

Ketua Jabatan atau majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

- atau
(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.
(b) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.
(c) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM

- Setiap pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :-
 - Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.
 - Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.
 - Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.
 - Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.
- Calon, Pencadang dan Penyokong
 - Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.
 - Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.
 - Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.
 - Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :-

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan
Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada hari Rabu,
23 Zulhijjah 1436 bersamaan
7 Oktober 2015, jam 4.00 Petang.**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG TINGKAT I PMKK.3 (\$2,270 - \$4,240)

atau KETUA KAMPUNG TINGKAT II PMKK.2 (\$1,990 - \$2,970)

atau KETUA KAMPUNG TINGKAT III PMKK.1 (\$1,280 - \$2,270)

- bagi
i. KAMPUNG SETIA 'B',
MUKIM SUNGAI KEBUN,
ii. KAMPUNG KIANGGEH,
MUKIM KIANGGEH,
iii. KAMPUNG PULAU BARU-BARU,
SUNGAI BUNGA DAN TANJONG
KINDANA, MUKIM KOTA BATU,
iv. KAMPUNG PUDAK,
MUKIM KOTA BATU,
v. KAMPUNG TANAH JAMBU DAN

- SALAR, MUKIM MENTIRI,
vi. KAMPUNG SERASA DAN
PERPINDAHAN SERASA,
MUKIM SERASA,
vii. KAMPUNG SALAMBIGAR DAN
SUNGAI HANCHING,
MUKIM BERAKAS 'B',
viii. KAMPUNG KAWASAN 3
RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
KAMPUNG RIMBA,
MUKIM GADONG 'A',
ix. KAMPUNG BERIBI,
MUKIM GADONG 'B',
x. KAMPUNG SENGKURONG 'B',
MUKIM SENGKURONG,
xi. KAMPUNG TANJONG BUNUT,
MUKIM KILANAS,
xii. KAMPUNG BUNUT PERPINDAHAN,
MUKIM KILANAS,
xiii. KAMPUNG JANGSAK,
MUKIM KILANAS
xiv. KAMPUNG PENGKALAN GADONG,
MUKIM GADONG 'B',
xv. KAMPUNG RANCANGAN
PERUMAHAN NEGARA MENGKUBAU,
MUKIM MENTIRI,
xvi. KAMPUNG JERUDONG 'B'
(PENINJAU), MUKIM SENGKURONG,
xvii. KAMPUNG SKIM TANAH KURNIA
RAKYAT JATI KATOK 'B',
MUKIM GADONG 'B',
xviii. KAMPUNG RANCANGAN
PERUMAHAN NEGARA TANAH
JAMBU, MUKIM MENTIRI,
xix. KAMPUNG SKIM TANAH KURNIA
RAKYAT JATI SUNGAI BULO (BUKIT
SIBANGING), MUKIM MENTIRI,
xx. KAMPUNG RANCANGAN
PERUMAHAN NEGARA MERAGANG,
MUKIM SERASA,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA.

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Kampung Setia 'B' (Mukim Sungai Kebun), Kampung Kianggeh (Mukim Kianggeh), Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana, Kampung Puduk (Mukim Kota Batu), Kampung Tanah Jambu dan Salar, Kampung Rancangan Perumahan Negara Mengkubau, Kampung Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Sungai Buloh Bukit Sibanging (Mukim Mentiri), Kampung Serasa dan Perpindahan Serasa, Kampung Rancangan Perumahan Negara Meragang (Mukim Serasa), Kampung Salambigar dan Sungai Hanching (Mukim Berakas 'B'), Kampung Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba (Mukim Gadong 'A'), Kampung Beribi, Kampung Pengkalan Gadong, Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Katok 'B' (Mukim Gadong 'B'), Kampung Sengkurong 'B', Kampung Jerudong 'B' (Mukim Sengkurong) dan Kampung Tanjong Bunut, Kampung Bunut Perpindahan, Kampung Jangsak (Mukim Kilanas) untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung bagi :-

- Kampung Setia 'B', Mukim Sungai Kebun,
- Kampung Kianggeh, Mukim Kianggeh,
- Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga dan Tanjong Kindana, Mukim Kota Batu,
- Kampung Puduk, Mukim Kota Batu,
- Kampung Tanah Jambu dan Salar, Mukim Mentiri,
- Kampung Serasa dan Perpindahan Serasa, Mukim Serasa,
- Kampung Salambigar dan Sungai Hanching, Mukim Berakas 'B',
- Kampung Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A',
- Kampung Beribi, Mukim Gadong 'B',
- Kampung Sengkurong 'B', Mukim Sengkurong,
- Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas,
- Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas,
- Kampung Jangsak, Mukim Kilanas,
- Kampung Pengkalan Gadong, Mukim Gadong 'B',
- Kampung Rancangan Perumahan Negara Mengkubau, Mukim Mentiri,
- Kampung Jerudong 'B' (Peninjau), Mukim Sengkurong,
- Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Katok 'B', Mukim Gadong 'B',
- Kampung Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, Mukim Mentiri,
- Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Sungai Buloh (Bukit Sibanging), Mukim Mentiri, dan

xx. Kampung Rancangan Perumahan Negara Meragang, Mukim Serasa.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

- Calon Ketua Kampung hendaklah :-
 - Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Berumur tidak kurang empat puluh lima (45) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
 - Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
 - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.
 - Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.
 - Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
 - Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.
 - Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.
 - Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.
 - Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.
 - Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.
 - Tidak diisytiharkan sebagai seorang muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.
 - Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I dengan tangga gaji PMKK.3**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
 - Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
 - Mempunyai Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
 - Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.
 - Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II dengan tangga gaji PMKK.2**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
 - Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman

Dari muka 15

kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III dengan tangga gaji PMKK.1**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan

lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xvi) Syarat-syarat lain

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TATACARA PENCALONAN KETUA KAMPUNG

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :-

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang

disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya;

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas

(18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :-

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Penghulu Mukim
dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada hari Rabu,
23 Zulhijjah 1436 bersamaan 7 Oktober
2015, jam 4.00 Petang.**



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM TINGKAT III - PMKK.4 (\$3,880 - \$4,240) bagi

- i. MUKIM BUKIT SAWAT,
- ii. MUKIM SUKANG,
- iii. MUKIM MELILAS,
- DAERAH BELAIT.

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Mukim Bukit Sawat, Mukim Sukang dan Mukim Melilas, Daerah Belait untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Tingkat III bagi Mukim Bukit Sawat, Mukim Sukang dan Mukim Melilas, Daerah Belait.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III

1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :-

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang empat puluh lima (45) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.

(iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.

(v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu

Mukim.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diisytiharkan sebagai seorang muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan atau majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(e) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dimuatkan dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti syarikat.
5. Sah laku tawaran hendaklah 12 bulan.
6. Dokumen tawaran dan borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi di tempat / alamat dan waktu seperti berikut :
 - a. Tempat / alamat :

**Kaunter, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Aras 4
Institut Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Simpang 256-24
Jalan Kampung Rimba, Gadong, BE3119
Bandar Seri Begawan.**

**b. Waktu pada hari-hari bekerja :
Hari Isnin - Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
Hari Sabtu,
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

7. Setiap dokumen tawaran akan dikenakan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan).**
8. Tarikh tutup mengambil borang tawaran pada hari **Isnin, 21 September 2015.**
9. Tarikh menghantar / tutup tawaran pada hari **Khamis, 24 September 2015, jam 2.00 Petang.**
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.
11. Salinan sijil pendaftaran perniagaan yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau passport pemilik hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
KELAS III & IV SAHAJA KATEGORI :
KA01 SAHAJA**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
9 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM
3.30 PETANG, HARI SELASA,
22 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG, HARI SELASA,
29 SEPTEMBER 2015**

BIL : JKR/DOR/SRM 17/2015

**NAMA PROJEK : KERJA MENAIK
TARAF JALAN RAYA DAN
PEMBINAAN LETAK KERETA
BERDEKATAN KAWASAN SYARIKAT-
SYARIKAT KOK HONG PLASTIC
SEHINGGA KAWASAN BERHADAPAN
SYARIKAT ECO MOTOR,
TAPAK PERINDUSTRIAN BERIBI**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (LIMA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
KELAS III & IV SAHAJA KATEGORI :
KA01 SAHAJA**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
9 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN: TIDAK LEWAT DARI JAM
3.30 PETANG, HARI SELASA,
22 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG, HARI SELASA,
29 SEPTEMBER 2015**

BIL : JKR/DOR/SRM 18/2015

**NAMA PROJEK : KERJA MENAIK
TARAF JALAN RAYA DAN
PEMBINAAN LETAK KERETA
BERDEKATAN KAWASAN SYARIKAT
HASMIT SHIELD ROOFING
MANUFACTURING,
TAPAK PERINDUSTRIAN BERIBI**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (LIMA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR KELAS III & IV
SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
9 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN: TIDAK LEWAT DARI JAM
3.30 PETANG, HARI SELASA,
22 SEPTEMBER 2015**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT DARI JAM
2.00 PETANG, HARI SELASA,
29 SEPTEMBER 2015**

BIL : JKR/DOR/SRM 19/2015

**NAMA PROJEK : KERJA MENAIK
TARAF JALAN RAYA DI SEPANJANG
JALAN BERHADAPAN DENGAN
JALAN UTAMA BERIBI TAPAK
PERINDUSTRIAN BERIBI FASA 1
(SEPANJANG JALAN BERHADAPAN
PREMIER MOTOR HINGGA
BOUSTEAD)**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (LIMA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510,

Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. 1
MINDEF/DFA/2015/K/011 (TLDB)
LIFTING OF KDB BERKAT AND
KDB AFAT FROM TRESTLE AND
LOWERING TO THE WATERS
(QTY : 1 LOT)
Bayaran Tawaran : BND50.00
(tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang hari Selasa, 22 September 2015.** Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi di Kaunter Bahagian Perolehan, Blok 'D', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).
b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter Bahagian Kewangan Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :-

Isnin - Khamis :
8.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang - 3.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi - 11.30 Pagi
2.30 Petang - 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bone-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bone-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.
f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik dan pembekal mestilah mempunyai lesen rampaian sebagai perdagangan kenderaan.
g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.
i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman web : <http://www.mindef.gov.bn>.

JPPK/LTN/16/2015
Tajuk Tawaran :
DEVELOPMENT OF
MILITARY ACADEMY
KAMPUNG TANAH JAMBU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM -
PACKAGE 1 -

ACADEMIC BUILDINGS, DEFENCE
ACADEMY HEADQUARTERS,
CEREMONIAL HALL, SURAU AND
ASSOCIATED EXTERNAL WORKS -
SUPPLY, AND INSTALLATION OF
CURTAINS AND BLINDS

Yuran Tawaran :
BND50.00 (tidak dikembalikan)
Kelas : III DAN KE ATAS
Kategori : KA01 ATAU B01

Tempoh Penyiapan : SATU (1) BULAN
TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison,

BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 22 September 2015.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Blok 'D', Tingkat 1, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BS3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 18 September 2015, hari Jumaat jam 4.00 Petang.**

JPPK/LTN/17/2015
Tajuk Tawaran :
DEVELOPMENT OF
MILITARY ACADEMY
KAMPUNG TANAH JAMBU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM -
PACKAGE 2 -
OFFICER CADET BUILDINGS,
TRAINING FACILITIES AND
ASSOCIATED EXTERNAL WORKS -
SUPPLY, AND INSTALLATION
OF CURTAINS AND BLINDS
Yuran Tawaran :
BND50.00 (tidak dikembalikan)
Kelas : III DAN KE ATAS
Kategori : KA01 ATAU B01
Tempoh Penyiapan : SATU (1) BULAN

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 22 September 2015.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Blok 'D', Tingkat 1, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BS3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 18 September 2015, hari Jumaat jam 4.00 Petang.**

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'C', Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin - Khamis :

8.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang - 3.00 Petang
Jumaat :
8.00 Pagi - 11.00 Pagi
2.30 Petang - 3.00 Petang

Waktu bagi mengambil dokumen tawaran adalah pada waktu pejabat.

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bone-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bone-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

i. Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis kealamt Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan kerja, Tingkat 1, Blok 'D', Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Pemohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh jabatan tidak lewat satu (1) minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN TAWARAN

Projek : **THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING & COMMISSIONING (INCLUDING NECESSARY CIVIL WORKS) AND MAINTENANCE OF HARDWARE, ELECTRICAL DEVICES & EQUIPMENTS FOR UBD IBM CENTRE'S GREEN COMMUNITIES PROJECT, AT THE LONG HOUSE KG. SUKANG, KUALA BELAIT.**

Bilangan Tawaran : UBD/E8/009/2015

Yuran Tawaran : BND50.00 (Tidak akan dikembalikan)

Tarikh dibuka : 9 September 2015. Tarikh Tutup : 29 September 2015

Kelas : Kontraktor yang berdaftar di Kementerian Pembangunan

Kelas IV dan ke atas

Kategori : Tiada

PENGHANTARAN TAWARAN :

Lembaga Tawaran Kecil

Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A)

Blok 'A', Tingkat 1

Kementerian Pendidikan

Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510

Negara Brunei Darussalam.

Pengambilan tawaran :

Pejabat Estet, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.

Waktu mengambil / bayaran tawaran :

Isnin hingga Khamis, Sabtu (8.00 Pagi - 11.00 Pagi dan 2.00 Petang - 3.30 Petang)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong, BE1410

Telefon : +673 2463001 Sambungan : 2501 / 1238 / 2121 Faksimile : +673 2460552

E-mel : office.estate@ubd.edu.bn


PUSAT STANDARD KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : PSK/KPSU/SH/003 /2015

Tajuk Tawaran : INTERNAL AUDIT TRAINING ON ISO 9001:2008

Tawaran dihadapkan kepada :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar, BB 3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup : 10 September 2015 Hari : Khamis Jam: 2.00 Petang.

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari Pusat Standard Kebangsaan, Km. 33. Kampung Sinaut, Jalan Tutong, TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan jelas bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / pembekal. Mana-mana tawaran yang dihadapkan tidak mengikut seperti keterangan di atas akan dibatalkan untuk mengikuti tawaran.
4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
5. Dokumen tawaran berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 1.30 Petang hingga 4.30 Petang.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.

Tiga modul dibekalkan bagi pesara Perkhidmatan Awam



ROMBONGAN seramai 28 orang pegawai dan kakitangan kerajaan yang akan bersara dalam Perkhidmatan Awam bergambar ramai bersama pengerusi dan ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Berita dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim

BERAKAS, Khamis, 3 September. - Bakal peserta Kursus MS1323 : Persediaan Persaraan, anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA) telah dibekalkan dengan tiga modul, iaitu Modul. Pertama berkaitan dengan psikologi persaraan, paradigma persaraan dan persiapan kewangan persaraan.

Modul Kedua pula tentang keseimbangan kerohanian, kesihatan dan juga masyarakat yang mana lebih memberatkan keseimbangan, iaitu ketiga-tiga perkara yang disebutkan di

atas dan Modul Ketiga ialah merupakan modul keusahawanan.

Ketiga-tiga modul ini akan diselesaikan dalam masa 10 hari yang berbentuk 60 peratus lawatan, dan 40 peratus lebih kepada menghadiri taklimat yang berkenaan.

Perkara itu dijelaskan dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pegawai Penyelaras Kursus MS1323 : Persediaan Persaraan, IPA, Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein, ketika membuat lawatan bersama 28 pegawai dan kakitangan kerajaan yang akan bersara ke Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Dewan Kemasyarakatan II Rancangan Perumahan Negara (RPN)

Lambak Kanan.

Menurut beliau, objektif kursus MS1323 : Persediaan Persaraan, ialah untuk membuka minda bakal-bakal pesara untuk membuat persiapan sebelum menempuh alam persaraan dan kursus tersebut berjalan selama 10 hari yang dikendalikan oleh IPA.

Katanya, di antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam kursus ini, ialah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang menjurus kepada keusahawanan seperti bidang pertanian, perikanan dan sebagainya.

Menyentuh berkenaan masyarakat ujarnya, bakal pesara telah dibawa membuat lawatan ke kampung-kampung di bawah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di negara ini seperti di Daerah Temburong, Tutong dan Belait, dengan tujuan supaya mereka dapat merasakan bahawa mereka masih diperlukan dan berguna di tempat atau kampung mereka bila bersara nanti.

Selain itu katanya, lawatan lebih dekat juga dilakukan kepada pihak NGO seperti melawat ke persatuan-persatuan yang terdapat di negara ini. Manakala dari segi keagamaan pula peserta kursus diberikan santapan rohani.

Sepanjang kursus para peserta juga lebih banyak didedahkan dengan aktiviti-aktiviti keusahawanan terutama daripada pengusaha-

pengusaha yang asalnya pernah bekerja dan berpenecen.

Katanya, para peserta yang mengikuti kursus berkenaan terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dalam divisyen satu hingga lima dan kami mengharapkan kehadiran penuh seramai 70 orang dalam sekali kursus yang dilaksanakan.

Awang Haji Noor Hussein juga menjelaskan bahawa dalam setahun IPA telah menjalankan kursus seumpama ini sebanyak enam hingga tujuh kali, iaitu dengan melalui sistem i-Learn.

"Jadi dalam hubungan ini, setiap pegawai-pegawai penyelaras di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian harus peka, dan sentiasa progresif, aktif, tidak terlepas pandang untuk mencalonkan pegawai dan kakitangan kerajaan supaya ikut serta dalam kursus dalam persediaan persaraan, mereka, di samping untuk membuka minda mereka sebagai usahawan," ujarnya.

Terdahulu dari itu, kunjungan peserta kursus yang diketuai oleh Pegawai Penyelaras Kursus MS1323 : Persediaan Persaraan, Awang Haji Noor Hussein dialu-alukan oleh Pengerusi PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Yusof dan ahli warga emas pusat berkenaan di Dewan Kemasyarakatan II RPN Lambak Kanan.

Di pusat itu, peserta kursus

diberi penerangan ringkas mengenai perkembangan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PKWE, di bawah pentadbiran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Yusof.

Selepas mendengarkan taklimat ringkas mereka dibawa melihat lebih dekat ke bangunan pusat kegiatan warga emas yang terletak bersebelahan dengan Dewan Kemasyarakatan II dan menyaksikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahli pusat berkenaan.

Menurut Pengerusi PKWE, PKWE DBM ditubuhkan pada 1 Mei 2013 dan kini mempunyai seramai hampir 200 ahli yang berdaftar.

Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pusat ini ialah mengadakan kelas-kelas keagamaan, aktiviti kesihatan termasuk pemeriksaan kesihatan, aktiviti sukan, kelas masakan dan sebagainya.

Selain itu, pusat ini juga bergiat aktif dalam perekonomian, yang mana ahli-ahli pusat juga menghasilkan produk masakan, kuih-muih dan sebagainya. Di samping itu ujarnya, pusat ini juga mengadakan lawatan-lawatan keluar negeri.



PEGAWAI Penyelaras Kursus MS1323 : Persediaan Persaraan, Awang Haji Noor Hussein Haji Mohd. Hussein menjelaskan tiga modul utama yang diserapkan dalam Kursus 10 hari bakal-bakal pesara Perkhidmatan Awam.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan yang akan bersara ketika mendengarkan penerangan ringkas mengenai Pusat Kegiatan Warga Emas, DBM.

Khatam Al-Qur'an sempena Jubli Emas Kampung Setia

Berita dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Majlis Khatam Al-Qur'an sempena Jubli Emas Kampung Setia berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia.

Majlis Khatam Al-Qur'an diadakan setelah selesai menyempurnakan bacaan Al-Qur'an 30 Juz sebanyak tiga kali bersempena dengan memperingati Jubli Emas Kampung Setia.

Peserta khatam Al-Qur'an terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Saudara Ku Kampung Setia, murid-murid Sekolah Ugama Pehin

Khatib Haji Umar, Kampung Setia serta guru-guru agama dan penduduk-penduduk Kampung Setia.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri bin Ismail.

Majlis disusuli dengan bacaan takhtim dan tahlil yang dipimpin oleh Imam Majlis Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia, Awang Haji Hassan bin Haji Lusin, manakala Doa Khatam Al-Qur'an dikepalai oleh Awang Muhammad Syafie @ Firdaus bin Tasad, Bekas Penuntut



SUASANA Majlis Khatam Al-Qur'an sempena Jubli Emas Kampung Setia berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia.

Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassan Bolkiah (ITQSHHB).

Terdahulu, majlis yang berkebabakan tersebut dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang disampaikan oleh Awang Muhammad Syafie @ Firdaus, bekas penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassan Bolkiah (ITQSHHB), yang kini meneruskan pengajian di As Subra Al Azhar Mesir dan akan menamatkan pengajian tahun depan.

Sementara bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 dan Doa Kesyukuran sempena memperingati Jubli Emas Kampung Setia dibacakan oleh imam masjid berkenaan.

Majlis yang dianjurkan oleh

Ahli-ahli Saudara Ku Kampung Setia dengan kerjasama penduduk-penduduk kampung merupakan aktiviti tahunan kampung berkenaan yang dihasrat untuk menyatupadukan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk-penduduk Kampung Setia, yang kini sebahagiannya telah berpindah ke darat melalui Rancangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, berkahwin dan bertugas di luar daerah.

Kampung Setia terbahagi kepada dua, iaitu Kampung Setia 'A' dan 'B' di bawah Mukim Sungai Kebun Kampong Ayer. Keramaian penduduk lebih tiga ribu orang.

Pelbagai kemudahan diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuklah sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama bagi memudahkan anak-anak penduduk kampung menuntut ilmu.

Bagi memberikan keselesaan dan kemudahan penduduk kampung, sebuah masjid juga disediakan untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu, sembahyang Jumaat dan sebagainya.

Selain itu, pihak kerajaan juga memberikan kemudahan asas seperti mana yang diberikan kepada Kampong Ayer yang lain seperti bekalan api elektrik, bekalan air bersih, talian telefon dan juga beberapa buah jeti dan kemudahan berjalan kaki bagi menghubungkan di antara satu kampung dengan kampung yang lain.



PENGHULU Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri bin Ismail hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Perlumbaan Go Kart meriahkan suasana perayaan



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Perlumbaan Go-Kart Series Ketiga 2015 (BDKC) sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Persatuan Go Kart Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Perlumbaan Go Kart Series Ketiga 2015 (BDKC) yang diadakan di

kawasan Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Perlumbaan yang dihasratkan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



SEBAHAGIAN aksi perlumbaan Kategori Senior Go-Kart Series Ketiga 2015 (BDKC) sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Negara Brunei Darussalam Ke-69 itu disertai oleh 28 peserta.

Hadir menyaksikan perlumbaan tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Juara bagi Kategori Veteran dimenangi oleh Haji Harith bin Aziz; Jonny Kwa memenangi tempat kedua, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Han Wee Yiau.

Bagi Kategori Rookie Class Final pula, tempat pertama disandang oleh Ahmad Izzallman bin Haji Md. Jazlan, diikuti oleh Malcolm Meherji tempat kedua, manakala Sim Chen Hao menduduki tempat ketiga.

Kategori Senior, Muhammad Daud bin Haji Daud menduduki tempat pertama, diikuti oleh Ahmad Mujib bin Haji Md. Jazlan tempat kedua dan Faadzil Aziiz bin Haji Besar meraih tempat ketiga.

Selain penyertaan daripada pelumba tempatan, perlumbaan juga disertai oleh peserta dari Miri dan India.

Pesta Air Seri Tanjung 2015 meriah



JUARA bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi Marathon 30 pekayuh disandang oleh Mukim Tamoi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September. - Pasukan Mukim Tamoi muncul juara bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi Marathon sebagai acara kemuncak bagi Pesta Air Seri Tanjung 2015.

Naib juara dan tempat ketiga bagi kategori yang sama, masing-masing disandang oleh Pasukan Majlis Lumba Perahu Kampung Lurong Dalam dan Nur Rahim.

Sementara itu, bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi 10 Pekayuh 800 meter pula juara telah dimenangi oleh Pasukan Lela Menchanai Brunei (Mukim Saba), diikuti dengan Kampung Tamoi Ujong Paddlers di tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Pesta Air Seri Tanjung 2015 dianjurkan oleh MPK Sungai Bunga sebagai kesinambungan dari penganjuran sebelumnya, iaitu Pesta Tanjung Kindana yang antara lain bertujuan untuk memperkenalkan kampung tersebut sebagai salah sebuah destinasi pelancongan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga memberi ruang dan peluang kepada penduduk di sana untuk membuka gerai jualan bagi menjual produk-produk kampung dan memeriahkan serta membarigakan musim cuti sekolah.



SUASANA perlumbaan yang diadakan di perairan Kampung Sungai Bunga.

KPA anjur 'Family Fun Race'

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MENTERI, Ahad, 6 September. - Kelab Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan acara 'Family Fun Race' sempena memperingati Sambutan Jubli Perak Kelab Perkhidmatan Awam.

Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan larian 'Family Fun Race' dan 'Fun Run' sejauh 5 km yang bermula di premis Kelab Perkhidmatan Awam, di sini.

Acara larian yang disertai oleh warga Perkhidmatan Awam dan orang

ramai itu bermula dengan senam Zumba sebelum larian 'Family Fun Race' dan 'Fun Run' sejauh 5 km bermula.

Kegiatan riadah dihasratkan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam, ahli-ahli kelab dan juga orang ramai dalam memberikan sokongan ke arah kesedaran tentang kepentingan kesihatan bagi warga Perkhidmatan Awam yang telah ditubuhkan pada 26 Ogos 1990.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah semasa merasmikan acara larian 'Family Fun Race' yang diadakan di Kelab Perkhidmatan Awam, Mentiri.



PARA peserta 'Family Fun Race' bergambar ramai.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini menyertai senam Zumba untuk memanaskan badan.

Sentiasa bersedia untuk berkhidmat



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-22 dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Ke-20 dan Ke-21 yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd Sahrizal Haji Mohd Said

RIMBA, Isnin, 7 September. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned mengingatkan para pegawai di Perkhidmatan Awam bahawa tanggungjawab berada di bahu para pegawai untuk melihat secara kritis, jujur dan terbuka mengenai lumih-lumih perkhidmatan dan perlu mengetahui status Perkhidmatan Awam dan menjadikannya sebagai premis titik-tolak untuk menangani kelemahan melalui langkah-langkah reformasi.

"Kita semua adalah bertanggungjawab tentang kedudukan Perkhidmatan Awam yang ada sekarang. Sejauh mana perkhidmatan ini akan mencapai kelas pertama seperti yang termeterai dalam Wawasan Perkhidmatan Awam tertakluk kepada kemahuan kita semua, kewibawaan dan falsafah kita," ujarnya pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-22 dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai

Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Ke-20 dan Ke-21 yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab menegaskan, para pegawai bertanggungjawab menentukan falsafah bagi Perkhidmatan Awam dan apa pun premis yang nyata ialah Perkhidmatan Awam perlu ditempatkan di atas landasan yang cepat untuk berubah menjadi kompetitif, yang mana Perkhidmatan Awam yang kompetitif sebagai falsafah kita akan mendasari usaha-usaha reformasi ke aras tahap kelas pertama.

"Dengan falsafah ini, imej kita perlu diubah serta-merta. Imej yang dimaksudkan ialah keperibadian yang serba sedia dan mahu untuk mengabdikan kepada orang ramai, bukan keperibadian yang suka bersantai, berpeluk tubuh, bermimpi di siang hari dan terlalu sangat mementingkan kedudukan sebagai pegawai kerajaan," tegasnya lagi.

Kemahuan untuk mengabdikan diri ini, jelasnya, adalah pada mendasari *political will* kerajaan untuk membuat

perubahan progresif di peringkat peraturan, dasar, program dan perlaksanaan.

Dengan imej ini, penjawat-penjawat awam tidak lagi melambat-lambatkan jauh sekali untuk mengabaikan perhatian kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan kerajaan.

Perwatakan penjawat-penjawat awam, ujarnya, tidak lagi menggambarkan ciri-ciri enggan, malas, sombong dan pasif terhadap orang awam, pendeknya semua dalam Perkhidmatan Awam sentiasa bersemangat dan bertenaga untuk berkhidmat yang mana melalui imej baru ini memberi utusan kepada orang ramai bahawa kita sentiasa bersedia dengan komitmen penuh untuk berkhidmat.

Tambah Yang Mulia Dato Paduka, perkara seterusnya untuk menjadikan Perkhidmatan Awam lebih kompetitif ialah kapasiti untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan dengan efisien dan berkesan. Ini tentunya mengenai tenaga manusia dan keterampilan atau kecekapan mereka.

"Saiz tenaga manusia adalah satu faktor penting untuk diambil kira dalam mencapai efisiensi. Kita tidak akan efisien jika tenaga manusia terlalu ramai bagi pekerjaan yang beban dan pentingnya tidak sejajar," jelas Yang Mulia Dato Paduka.

Justeru itu, terang Yang Mulia Dato Paduka, pengurusan memainkan peranan penting untuk memastikan produktiviti seimbang di semua peringkat.

Menyentuh mengenai tenaga manusia yang terlalu ramai dalam Perkhidmatan Awam berbanding dengan keperluan, terangnya, jika keadaan ini sudah ada, pengurusan perlu dicapai keberkesanan yang lebih tinggi untuk mengimbangi nisbah tenaga manusia yang tinggi yang menyebabkan kedudukan yang kurang efisien.

"Pada misalnya, dengan tenaga yang terlalu ramai ini, sewajarnya pencapaian Tekad Pemudialan Orang Ramai (TPOR) kita berlipat-lipat ganda keberkesananannya. Dengan keadaan ini, impak ke atas nilai TPOR itu sendiri akan lebih positif di mana jaminan perkhidmatan kita akan terus dinamik berubah dari satu persada yang tinggi ke satu persada yang lebih tinggi secara berterusan," ujarnya lagi.

Menurutnya lagi, keramaian tenaga manusia dalam Perkhidmatan Awam ini tentunya satu aspek penting untuk dibawa ke tahap yang optima, ini adalah sasaran yang mesti ada untuk ditangani secara *pragmatic* sejajar dengan dasar-dasar dan kemajuan sosioekonomi.

Setentunya peluang tidak boleh dilepaskan untuk mengoptimalkan kedudukan bilangan tenaga manusia dalam Perkhidmatan Awam, semakin lama negara kita membangun tanggungjawab dan komitmen kerajaan kian bertambah.

Dalam keadaan pertambahan ini katanya lagi, peluang perlu diambil untuk menggunakan tenaga manusia yang sedia ada secara optima tanpa mempraktik kebiasaan rambang dan spontan untuk sentiasa menambah bilangan tenaga manusia pada kadar yang membazir.

Adalah disarankan untuk menggunakan seefisien yang boleh tenaga manusia yang sedia ada dalam Perkhidmatan Awam dengan memberi fokus yang lebih kepada nilai tambah keterampilan atau kecekapan.

Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM menambah, falsafah menjadikan Perkhidmatan Awam kompetitif juga memerlukan pegawai-pegawai menilai struktur tanggungjawab yang tidak bertindih supaya lebih terarah dan saling melengkapi di antara satu dengan yang lain di mana insiden pertindihan tanggungjawab yang tinggi adalah sumber kelemahan dan ambivalen dan jika mahu efisien dan berkesan, pertindihan wajar dikurangkan ke tahap paling minima.

"Tanpa pertindihan tidak bererti tidak ada kerjasama, sebaliknya dalam keadaan di mana pertentangan atau ambivalen adalah minima kerjasama akan lebih menjadi erat dan berfungsi dan perkhidmatan *one-stop* pada misalnya akan lebih mudah tertubuh dan berfungsi," terang Yang Mulia Dato Paduka.

Perkhidmatan bersifat *one-stop* ini, jelasnya lagi, boleh membantu meningkatkan efisiensi dan keberkesanan tindakan untuk lebih memenuhi keperluan awam.

Seperkara yang sangat jelas diperlukan untuk Perkhidmatan Awam yang kompetitif, tekannya, ialah tatacara yang mudah, praktikal dan mempunyai kelenturan adaptasi dan penuh integriti tanpa

double-standard.

Kerajaan dan Perkhidmatan Awam di merata dunia secara tradisinya dicap dengan jenama birokrasi yang memberi makna pentadbiran melibatkan proses yang kompleks, bertangga-tangga, memakan masa yang panjang dan pilih kasih.

Tegasnya, falsafah Perkhidmatan Awam kompetitif tidak mengizinkan birokrasi untuk mendapat tempat, jika birokrasi tidak dapat dibendung bererti kita akan terus lemah dan kenyataan ini perlu dihadapi dan ditangani sewajarnya oleh pemimpin dan pegawai-pegawai eksekutif.

Kesemua ini adalah mudah untuk diperkatakan, tetapi untuk memastikan para pegawai boleh bergerak mempraktik Perkhidmatan Awam kompetitif, pegawai-pegawai eksekutif dan pemimpin mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berat dan strategik.

Struktur bidang tugas yang kemas dan mapan semata-mata, tambahnya, tidak cukup jika struktur bidang kuasa tidak cukup membolehkan pembuatan keputusan dan pelaksanaan yang jitu dan berwibawa.

Justeru itu, ujar Yang Mulia Dato Paduka, adalah menjadi tanggungjawab di peringkat eksekutif untuk menyediakan struktur pengagihan tanggungjawab dan kuasa serta mekanisme pemantauan mengenai kejutuan pengagihan tersebut.

Inilah di antara keperluan fundamental bagi Perkhidmatan Awam yang kompetitif, keperluan ini bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mendukung meritokrasi, keadilan, kejujuran, *integrity*, konsistensi, ketulusan dan disiplin.

"Apa yang saya huraikan ini ialah lumih-lumih yang perlu menjadi *core business* pegawai-pegawai eksekutif dan pemimpin dalam Perkhidmatan Awam untuk sentiasa dilihat, difikirkan dengan mendalam, dimajukan dan dipraktikkan," jelasnya.

Dalam konteks inilah, terangnya, lagi keperluan kita adalah untuk mewujudkan pegawai-pegawai eksekutif dan pemimpin yang berkebolehan dan berwibawa untuk menjadi penentu kepada pencapaian Perkhidmatan Awam kompetitif kelas pertama.

Pegawai Perkhidmatan Awam perlu kompetitif, berdaya saing

Dari muka 1

Menurutnya di merata banyak negara, falsafah kerajaan dan Perkhidmatan Awam sudah banyak berubah. Falsafah ini katanya, ialah untuk menjadi kompetitif dan secara *implicit* falsafah ini menghayati kenyataan bahawa kerajaan dan Perkhidmatan Awam tidak semestinya sentiasa betul, terbaik dan serba mengetahui.

"Falsafah ini memerlukan kerajaan dan Perkhidmatan Awam untuk berusaha dan mempunyai *political will* yang mutlak untuk kompetitif bukan saja dalam urusan tadbir malah yang sangat diutamakan keunggulan dasar, program pembangunan dan perlaksanaan," terang Yang Mulia Dato Paduka .

Tambahnya lagi, falsafah persaingan ini membuat kerajaan dan Perkhidmatan Awam sentiasa peka tentang kelemahan, kekurangan, kelalaian dan kegagalan melalui penilaian berterusan dan bertanda aras,

selain boleh merubah psikologi pemimpin dan penjawat awam.

"Mereka akan lebih merendah diri, *level-headed*, realistik, praktikal, berdisiplin dan mempunyai perasaan malu jika mereka lemah dan gagal. Fahaman tentang makan gaji dan *value for money* juga turut berubah ke arah yang lebih mempunyai penghayatan terhadap nilai dan kebertanggungjawaban berbeza dari fahaman makan gaji buta," ujarnya lagi.

Dengan yang demikian, jelas Yang Mulia Dato Paduka, dalam keadaan mereka lemah dan gagal, mereka benar-benar menangani penyebabnya atau *the roots of the problem* dan mengelakkan dari kebiasaan untuk mencari alasan, menyalahkan orang lain atau memberikan *lip service* semata-mata, mereka akan melihat kepada pembaharuan yang lebih inovatif dan serba membolehkan dan apa juga reformasi yang diperlukan ia dilakukan dengan sepenuh hati dan tidak sekali-kali berhenti setakat dalam ucapan pelancaran.

JADIKAN PERKHIDMATAN AWAM LEBIH KOMPETITIF, EFISIEN DAN BERKESAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.